



JABATAN MUZIUM MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2015

KANDUNGAN



Pena Emas Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	4
Tinta Mutiara Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	6
Ringkasan Eksekutif Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia	8
Profil Korporat	13
<ul style="list-style-type: none">- Selayang Pandang• Visi, Misi dan Objektif• Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM• Carta Organisasi JMM 2015- Mengimbuai Kisah JMM Dalam Sejarah- Peta Lokasi Muzium-muzium Di Bawah Jabatan Muzium Malaysia	
Pemeriksaan Modal Insan dan Pementapan Keupayaan dan Kapasiti Organisasi	27
Kolaborasi Strategik, Pengukuhan Infrastruktur Dan Pembudayaan ICT	39
Martabatkan Fungsi, Mantapkan Organisasi	53
<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Koleksi : Memelihara Khazanah Negara• Pengurusan Konservasi : Memulihara Warisan Bangsa• Penyelidikan dan Dokumentasi : Memperkasa Bidang Permuziuman• Pameran dan Pengembangan : Memartabat dan Melestarikan Ilmu Yang Tersimpan• Program dan Aktiviti JMM Wilayah : Merakyatkan Muzium	
Prestasi Kewangan	77
Statistik Pelawat ke Muzium-Muzium JMM 2015	79
Lampiran	81

©Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.

Muzium Tekstil Negara

PENA EMAS

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



“ Muzium berperanan dalam mencerna pemikiran positif masyarakat ke arah pembinaan sebuah Negara Malaysia yang bersatu padu, berbudaya dan bermaklumat. Muzium perlu komited dan melaksanakan amanah ini dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara serta kesejahteraan dan keharmonian masyarakat di Malaysia. ”

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenanNya, Jabatan Muzium Malaysia berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia kali ke-5. Pastinya laporan khas ini dapat menjadi benchmarking pencapaian Jabatan ini.

Seperti yang kita sedia maklum, cabaran dan tugas yang cukup berat menanti JMM untuk dilaksanakan dalam dunia globalisasi yang sangat mementingkan pembangunan material. Justeru, JMM perlu lebih proaktif dan inovatif dalam memainkan peranan terhadap pembangunan insaniah dan pembinaan jati diri seiring dengan peranan institusi permuziuman sebagai teraju utama penyebaran maklumat berkaitan sejarah, budaya dan warisan bangsa.

Muzium berperanan dalam mencerna pemikiran positif masyarakat ke arah pembinaan sebuah Negara Malaysia yang bersatu padu, berbudaya dan bermaklumat. Muzium perlu komited dan melaksanakan amanah ini dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara serta kesejahteraan dan keharmonian masyarakat di Malaysia.

Adalah menjadi harapan saya agar muzium dapat mewujudkan masyarakat harmoni dan mempunyai keperibadian tinggi yang mengamalkan Rukun Negara berteraskan 1Malaysia. Ini dapat dilakukan oleh muzium melalui kepelbagaian pameran, pemeliharaan dan pengekalan koleksi warisan negara di samping menghasilkan penyelidikan yang berwibawa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

TINTA MUTIARA

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
Malaysia



“ Saya melihat institusi permuzium memainkan peranan yang penting dalam industri pelancongan negara. Perkara ini telah mengangkat martabat institusi permuzium ke tahap yang lebih tinggi di mata dunia. Jalinan kerjasama antara JMM dengan masyarakat sedikit sebanyak merealisasikan matlamat ini. ”

Salam Sejahtera dan Salam 1 MOTAC.

Saya mendahului tinta ini dengan ucapan tahniah kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) kerana berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia.

Saya melihat institusi permuzium memainkan peranan yang penting dalam industri pelancongan negara. Perkara ini telah mengangkat martabat institusi permuzium ke tahap yang lebih tinggi di mata dunia. Jalinan kerjasama antara JMM dengan masyarakat sedikit sebanyak merealisasikan matlamat ini. Selaku institusi kemasyarakatan yang mengamalkan perkongsian manfaat, JMM hendaklah sentiasa dinamik dan mempunyai strategi serta perancangan program-program yang mantap dan memberi impak yang signifikan juga bermanfaat kepada masyarakat. JMM juga perlu memainkan peranan penting bagi memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian budaya berbagai kaum dan etnik negara ini.

Hasrat ini juga adalah selari dengan aspirasi pucuk kepimpinan Negara untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni, mendukung semangat bekerjasama dan aman sejahtera berteraskan gagasan 1Malaysia. Dalam konteks ini muzium sebagai pemegang amanah (custodian) kepada hal ehwal sejarah, kebudayaan, warisan dan seumpamanya adalah bertanggungjawab untuk turut memacu dan mencapai hasrat ini melalui pengembelian segala sumber yang ada menerusi pelaksanaan setiap program yang diatur.

Akhir kata, adalah diharap semua pihak dapat bersatu tenaga dan berfikiran terbuka bagi mendokong tanggungjawab yang diamanahkan supaya kebudayaan dan sejarah negara dapat terus dipertahankan sebagai satu identiti negara dan bangsa pada alaf baru ini.

Tan Sri Dr Ong Hong Peng

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia



Alhamdulillah, saya merafa'kan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, maka Laporan Tahunan JMM 2015 ini dapat diterbitkan agar menjadi sumber rujukan untuk semua. Saya berkeyakinan bahawa penerbitan ini mampu memberi gambaran yang jelas tentang fungsi dan peranan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sebagai institusi yang bertanggungjawab mengumpul, memulihara serta memelihara khazanah sejarah, budaya dan alam semula jadi negara, serta memegangnya sebagai amanah bagi manfaat masyarakat dan pembangunannya.

Jabatan ini senantiasa merancang dan melaksanakan dasar-dasar serta perancangan jangka panjang untuk mencapai wawasannya ke arah menjadikan muzium-muzium di bawah pentadbirannya setara dengan muzium-muzium serantau dan antarabangsa. Kapasiti tenaga kerjanya dipertingkatkan dengan penganjuran pelbagai kursus, ceramah, bengkel dan seminar, malah jerayawara di badan-badan kerajaan, swasta mahupun Institusi Pengajian Tinggi Awam yang memerlukan perkhidmatan dan sumbangsarannya turut dilaksanakan. Kendatipun begitu, usaha padu turut dibuat agar aspek pengurusan sumber manusia ini lebih mampan, berkesan dan menjadi keutamaan. Latihan profesional di peringkat antarabangsa dan tahap profesionalisme kakitangan serta pembangunan dan penyelidikan (R & D) untuk pengurusan koleksi serta pameran sering dititikberatkan.

“ Jabatan ini senantiasa merancang dan melaksanakan dasar-dasar serta perancangan jangka panjang untuk mencapai wawasannya ke arah menjadikan muzium-muzium di bawah pentadbirannya setara dengan muzium-muzium serantau dan antarabangsa. ”





Koleksi JMM pula merupakan warisan awam yang penting, mempunyai kedudukan istimewa di dalam undang-undang, malah sesetengahnya dilindungi perundangan antarabangsa. Kepercayaan yang wujud dalam tanggapan orang ramai tentang muzium, secara keseluruhannya adalah pengawasan mutlak ke atas warisan alam semula jadi negara dan kebudayaan ketara mahupun tidak ketara yang merangkumi pemilikan sah, dokumentasi yang jitu, akses serta pelupusan yang dipertanggungjawabkan. Oleh itu, JMM secara berterusan mengambil pendekatan dan strategi mempromosikan koleksinya dengan pengendalian pameran yang baharu, canggih dan terkini, berteraskan teknologi maklumat agar kesedaran masyarakat dalam serta luar negara tentang sumbangan besar jabatan ini dalam mengekalkan dan melindungi khazanah warisan negara dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Oleh yang demikian, amat wajarlah International Councils of Museums (ICOM) mengilhamkan sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan pada tanggal 18 Mei setiap tahun di seluruh dunia. Ia berupaya menjadi platform berguna untuk mendidik dan mengajak masyarakat menghargai serta melindungi warisan dan budaya yang menjadi kebanggaan semua. Melalui sejarah juga, masyarakat yang mapan dan cemerlang mampu dibentuk meliputi aspek ekonomi, sosio budaya, agama dan sebagainya. Namun, peranan muzium bukan sahaja terhad memaparkan persejarahan lampau negara, bahkan ia membabitkan isu-isu terkini yang perlu didekati dan difahami oleh masyarakat bersesuaian dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu Muzium untuk Masyarakat Lestari (Museums for A Sustainable Society).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa sektor permuziuman di Malaysia masih signifikan kepada pembangunan negara khususnya dalam memartabatkan warisan budaya bangsa, malahan merancakkan industri pelancongan dan merupakan pemangkin kepada penjana ekonomi negara. Menerusi program-program yang mantap, impak yang bermanfaat kepada masyarakat



juga dapat diperluaskan. Ini terbukti dengan jumlah pelawat tempatan dan pelancong asing yang datang berkunjung ke muzium-muzium di bawah pentadbiran jabatan ini telah menunjukkan peningkatan kepada 2,879,760 orang pada tahun ini berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Saya berkeyakinan bahawa kewujudan dan perjuangan JMM dari dahulu sehingga kini dalam mengumpul, memulihara, memelihara dan memperkembangkan khazanah warisan negara mampu menyedarkan, memberi motivasi serta membentuk perunggu minda yang lebih positif di kalangan generasi muda untuk turut sama mengangkat dan mempertahankan warisan bangsa Malaysia agar cemerlang serta terbilang pada kaca mata masyarakat dunia antarabangsa. Ini adalah kerana kebudayaan tradisi yang membentuk norma, cara hidup dan tatasusila murni adalah penting dalam mengatur dan membentuk kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang sempurna.

Kamarul Baharin Bin A. Kasim

Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

PROFIL KORPORAT



Muzium Alam Semula Jadi

- Selayang Pandang
 - Visi, Misi dan Objektif
 - Carta Organisasi JMM 2015
 - Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM
- Mengimbuu Kisah JMM Dalam Sejarah
- 2015 Dalam Catatan Nombor
- Peta Lokasi Muzium-muzium Di Bawah Jabatan Muzium Malaysia

SELAYANG PANDANG

Visi

Menjadi institusi permuziuman unggul di Asia

Misi

1. Mengumpul dan memelihara koleksi artifak yang signifikan
2. Menghasil dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak
3. Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan
4. Menjadi destinasi utama pelancong

Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium

Fungsi

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

Perkhidmatan Teras

1. Pengurusan Koleksi
2. Penyelidikan dan Pendokumentasian
3. Penyebaran ilmu Pengetahuan melalui: Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), Ceramah, Bengkel, Seminar, Forum dan persidangan serta Lawatan berpandu ke galeri

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2015



Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia :
Encik Kamarul Baharin Bin A. Kasim



Timb Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia :
Encik Mohd Azmi Bin Mohd Yusof



Pengarah
Bahagian Dasar
Dan Pembangunan :
Encik Mohamad Shawali Bin Badi



Pengarah
Bahagian Pameran Dan
Pembangunan :
Encik Azmi Bin Ismail



Pengarah Bahagian
Pengurusan Koleksi :
Encik Mohd Razaimi Bin Hamat



Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan Dan
Pengurusan Harta :
Encik Esa Bin Haron



Ketua Penolong Pengarah
Galeri Perdana :
Encik Mat Nasir Bin Baba



Ketua Penolong Pengarah
Unit Teknologi Maklumat :
Puan Asmah Binti Mohd Wazir



Pengarah Muzium
Alam Semula Jadi :
Puan Farizawati Binti Sabri



Pengarah Bahagian
Penyelidikan Dan
Dokumentasi :
Encik Zainal bin Ariffin



Pengarah Muzium
Etnologi Dunia Melayu:
Encik Samsol Bin Sahar



Pengarah Bahagian
Pengurusan Koleksi :
Encik Zamrul Amri Bin Zakaria



Pengarah
Muzium Tekstil :
Encik Ruslee Bin Ariffin



Ketua Penolong Pengarah
Unit Dasar Dan
Perancangan Strategik :
Puan Eyo Leng Yan



Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan :
Encik Mohamed Fauzi Bin
Mohamed Salleh



Timbalan Pengarah
Muzium Negara :
Cik Darniza Binti Daut




Ketua Bahagian
Komunikasi Korporat :
Puan Zuriana Binti Zanziba



Pengarah
Muzium Perak :
Puan Norhanisah Binti Ahmad

**CARTA ORGANISASI
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**



MENGIMBAU KISAH JMM DALAM SEJARAH

Penubuhan awal muzium di Tanah Melayu bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British membuka Muzium Perak yang kemudiannya diikuti penubuhan Muzium Selangor pada 1904. Pada tahun 1953, Muzium Negara Sementara pula ditubuhkan sehinggalah pada tahun 1963 apabila dirasmikan Muzium Negara yang kekal hingga ke hari ini menjadi nadi dan mercu kepada usaha memartabatkan sejarah warisan negara. Rentetan peristiwa penubuhan muzium-muzium ini berkait rapat dengan penubuhan sebuah Jabatan yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan muzium di Malaysia.

Jabatan Muzium telah ditubuhkan dan mula beroperasi di Muzium Selangor pada tahun 1904 adalah bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada tahun yang sama, kedua-dua muzium ini disatukan menjadi Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. J.L.Wray telah menjawat jawatan Pengarah pertama Jabatan Muzium sehingga 1908, kemudian digantikan oleh H.C.Robinson sehingga tahun 1926 dan C.Boden Kloss sehingga tahun 1931.

Pada 1 Januari 1932, Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibubarkan, dengan itu Jabatan Muzium turut dibubarkan dan kedua-dua buah muzium itu dipisahkan semula dan wujud sebagai dua buah muzium yang berasingan. Pemisahan dilakukan selaras dengan pelaksanaan dasar disentralisasi yang dijalankan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Usaha mewujudkan semula Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Jabatan Muzium oleh pegawai Inggeris, Kapten H.M.Pendlebury yang ketika itu menjawat jawatan Kurator Muzium Selangor mendapat perhatian pemerintah British dan kedua-dua entiti tersebut diwujudkan semula bermula tahun 1938. Kapten H.M.Pendlebury telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Muzium sehingga tahun 1941 apabila tentera Jepun mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu. Tentera-tentera Jepun ditempatkan di Muzium Selangor bagi menjaga muzium tersebut dan seterusnya, Muzium Selangor ditutup kepada orang awam untuk lawatan.

Walaupun Muzium Selangor ditutup kepada orang awam, tetapi kerja-kerja mengumpul dan menambah koleksi muzium diteruskan apabila Pegawai Pemerintah Tentera Jepun memanggil semula seorang bekas pekerja muzium iaitu Encik Bachik Mohd Tahir untuk menjaga muzium. Kemudian beliau memanggil semula pekerja Muzium Selangor yang telah berhenti akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada bulan Jun 1943, empat orang pegawai Jepun dilantik untuk bertugas di Jabatan Muzium yang beribu pejabat di Muzium Selangor. Jabatan Muzium yang baru semasa dalam pemerintahan Jepun diketuai oleh Dr. Iwao Hino sebagai Pengarah

sehingga 2 Mac 1945 apabila Dr. Takahashi dilantik bagi menggantikannya sebagai Pengarah Jabatan Muzium. Tempoh pentadbirannya adalah singkat apabila 10 Mac 1945, Muzium Selangor menjadi mangsa pengeboman tentera udara Amerika Syarikat menyebabkan kesemua koleksi bahan pameran di bahagian kanan muzium mengalami kemusnahan. Koleksi muzium yang terselamat ditempatkan sementara di bilik darjah di Sekolah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur sehingga akhir tahun 1945.

Pada tahun 1946, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik sebaik sahaja Jepun menyerahkan pentadbiran Muzium Selangor kepada pemerintah British. Dari tahun 1946 hingga 1948, empat orang Pemangku Pengarah Jabatan Muzium yang juga menjadi Pemangku Pengarah Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dilantik dan salah seorangnya adalah M.W.F.Tweedie, bekas Pengarah Muzium Raffles, Singapura yang berkhidmat sehingga tahun 1947 dan kemudiannya digantikan dengan H.T.Padgen. Cadangan supaya membina sebuah muzium baru telah dikemukakan oleh H.T.Padgen kepada pihak pemerintah British di Tanah Melayu bagi menggantikan Muzium Selangor sehinggalah akhirnya Muzium Negara Sementara dibina dan dibuka dengan rasminya pada 11 Februari 1953 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer. Pengarah Jabatan Muzium di Muzium Negara Sementara ini adalah G.de G.Sieveking dan ia di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1957, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kemudian, Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1958 hingga 1970. Muzium Negara Sementara telah beroperasi selama lima tahun. Pada tahun 1958, bangunan muzium ini dirobohkan bagi melancarkan projek pembinaan bangunan tetap Muzium Negara.

Penggubalan Dasar Kebudayaan pada tahun 1971 menyaksikan Bahagian Kebudayaan yang sebelumnya di bawah naungan Kementerian Penerangan sejak tahun 1964 diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut merangkumi Jabatan Muzium sebagai salah sebuah agensinya. Di samping aktiviti permuziuman, Jabatan Muzium memainkan peranan penting menguruskan hal-hal berkaitan ekskavasi arkeologi, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pewartaan monumen bersejarah dan tapak-tapak ekskavasi, mengawal peniaga antik serta eksport benda purba di bawah Akta Benda Purba 1976. Manakala pada tahun 1978, Jabatan Muzium telah dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Pada 20 Mei 1987, Jabatan Muzium berpindah ke Kementerian sekali lagi apabila komponen kebudayaan dipisahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ia diikuti penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada 22 Oktober 1992, seterusnya pada tahun yang sama distruktur kembali dan diberi nama baru kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sehingga tahun 2004. Jabatan Muzium berpindah ke Kementerian berkenaan bersama Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Perubahan ini menuntut Jabatan Muzium dan agensi-agensinya di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan penekanan setimpal terhadap usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini.

Jabatan Muzium kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993 setelah melalui penyusunan semula struktur organisasi. Jabatan Muzium merupakan salah satu agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan serta berperanan besar untuk memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara. Di samping itu, Jabatan menjadi agensi penting di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam membangunkan produk pelancongan melalui penubuhan muzium-muzium, pemeliharaan tapak-tapak bersejarah, warisan budaya serta alam semula jadi negara.


Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan Jabatan Muzium dan Antikuiti diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Peranan muzium dalam pembangunan negara bergerak rancak melalui penubuhan lebih banyak lagi muzium sebagai produk pelancongan yang utama seiring dengan keperluan memelihara warisan khazanah negara. Pada 1 Mac 2006, Jabatan Muzium dan Antikuiti bertukar nama kepada Jabatan Muzium Malaysia dengan pengkhususan lebih kepada pengurusan muzium dan koleksi artifak muzium.

Pada 18 Mac 2008, berikutan penyusunan Kabinet, Jabatan Muzium Malaysia dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Muzium Malaysia kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan apabila Kabinet dirombak sekali lagi pada 9 April 2009. Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah agensi kerajaan persekutuan yang berperanan mentadbir dan membangunkan 21 buah muzium persekutuan di samping memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara melalui aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan, program pendidikan serta pengembangan muzium terus diperkasakan.

FAKTA SEKILAS PANDANG 2015



PETA LOKASI MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA





Muzium Sungai Lembing

**PEMERKASAAN
MODAL INSAN
DAN PEMANTAPAN
KEUPAYAAN
DAN KAPASITI
ORGANISASI**

PEMERKASAAN MODAL INSAN DAN PEMANTAPAN KEUPAYAAN DAN KAPASITI ORGANISASI

PROFIL

Program Khidmat Pengurusan terletak di bawah portfolio Bahagian Khidmat Pengurusan. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan keselamatan.

Unit Pengurusan Sumber Manusia bertanggungjawab membuat perancangan tenaga manusia dan pembangunan organisasi, menguruskan pelantikan, pengesahan jawatan dan cuti, menguruskan penempatan, pertukaran, persaraan, kenaikan gaji dan urusan sumber manusia kakitangan Jabatan, mengendalikan urusan kenaikan pangkat, laporan prestasi dan tatatertib, menyelaras pelaksanaan HRMIS di peringkat Jabatan, menguruskan latihan aplikasi HRMIS dan menyelaras urusan yang berkaitan dengan peperiksaan perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam peperiksaan dan KPSL.

Unit Kewangan yang merupakan Pusat Tanggungjawab Jabatan, bertanggungjawab merancang dan menyediakan belanjawan tahunan Jabatan, menguruskan buku vot jabatan, menguruskan pembayaran gaji dan elaun, menguruskan pembayaran bil-bil dan terimaan, menguruskan perolehan secara tender dan sebutharga, melaksanakan sistem perakaunan mikro berkomputer dan menguruskan Akaun Amanah Jabatan.

Unit Pembangunan Modal Insan pula bertanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan profesional permuziuman untuk Jabatan dan institusi lain di Malaysia, merancang aktiviti latihan dalam dan luar negara, memberi khidmat nasihat kepada institusi permuziuman di Malaysia dan mengendalikan kursus-kursus umum/latihan dalaman.

Unit Keselamatan pula bertanggungjawab merancang strategi pengurusan keselamatan Jabatan dan muzium-muzium di bawahnya, merancang dan melaksanakan program-program keselamatan fizikal, menyemak dan menguruskan laporan dan jadual kerja harian Pengawal Keselamatan, menyelia dan menguruskan Sistem Pengurusan Keselamatan Berpandu dan menguruskan hal-hal berkaitan keperluan logistik Unit Keselamatan seperti Uniform, senjata api, kad kuasa, kunci keselamatan dan kelengkapan keselamatan yang lain.



PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Khidmat Pengurusan telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan dan pengurusan kewangan.

1. PERJAWATAN

Jumlah keseluruhan perjawatan di JMM sehingga 31 Disember 2015 adalah 418. Manakala jumlah pengisian sehingga tarikh tersebut adalah sebanyak 361 jawatan. Pecahan kepada jumlah perjawatan adalah seperti di bawah:

PERJAWATAN YANG DIISI	2015
Pengurusan Tertinggi	3
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	64
Kumpulan Sokongan 1	263
Kumpulan Sokongan 2	88
Jumlah Perjawatan	418

1.1 Pengambilan Staf

Bagi mengisi kekosongan jawatan, Unit Sumber Manusia Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab dalam proses pengambilan staf bagi melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang oleh pihak jabatan.

1.2 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

Sepanjang tahun 2015 ini, urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan telah berjaya dilaksanakan. Antara jawatan adalah:-

KENAIKAN PANGKAT	2015
Kurator Gred Utama C	1
Kurator Gred S54	1
Kurator Gred S48	3
Penolong Kurator (Gred S38)	1
Pembantu Muzium (Gred S26)	2
Penolong Kurator (TBBK)	5
Pembantu Muzium (TBBK)	26
Jumlah	39

PEMANGKUAN	2015
Kurator Gred S52 ke S54	2
Kurator Gred S48 ke S52	3
Kurator Gred S41 ke S44	8
Kurator Gred S41 ke S44 (KUP)	7
Penolong Kurator (Memangku S38)	1
Jumlah	21

1.3 Persaraan

Seramai 14 orang pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia yang telah bersara wajib ataupun bersara secara pilihan dengan kerajaan.

BIL	NAMA	TARIKH PERSARAAN	JAWATAN TERAKHIR
1	Dato' Haji Ibrahim bin Ismail	12.04.2015	Ketua Pengarah
2	Dato' Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff	03.09.2015	Ketua Pengarah
3	Pn. Tee Siew Mooi	16.01.2015	Pengarah MAS
4	Pn. Zuriana binti Zanziba	02.10.2015	KPP Bahagian Komunikasi Korporat
5	Pn. Rozita binti Abu Hassan	31.08.2015	Setiasaha Pejabat
6	En. Mat Yassim @ Mohsein bin Taib	10.07.2015	Penolong Kurator
7	En. Ahmad Subri bin Haji Hassan	20.12.2015	Pembantu Muzium Kanan
8	En. Md Nasir bin Adi	01.03.2015	Pem. Tadbir P/O Kanan
9	En. Zulkple bin Haris	02.08.2015	Juruaudio Visual
10	Pn. Rani a/p Yelumalai	09.05.2015	Pembantu Tadbir P/O
11	Cik Norhani binti Mahamood	31.08.2015	Pembantu Tadbir P/O
12	Pn. Noraslina binti Haji Alidin	01.10.2015	Pembantu Tadbir P/O
13	En. Mohd Nasir bin Taslim	30.10.2015	Pembantu Operasi
14	En. Syed Alwi bin Syed Akil	25.07.2015	Pembantu Am Pejabat

1.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Pada tahun 2015, seramai 29 kakitangan telah diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

SENARAI NAMA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) JABATAN MUZIUM MALAYSIA

- | | |
|---|---------------------------------------|
| 1) ENCIK MAT NASIR BIN BABA | Galeria Perdana |
| 2) PN. TG. INTAN RAHIMAH BINTI TG MAT SAMAN | Unit Pembangunan Modal Insan |
| 3) PN. MITI FATEEMA SHERZEELA BT MOHD YUSOFF | Unit Dasar dan Perancangan Strategik |
| 4) ENCIK MOHD AZLAN BIN UMAR | Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta |
| 5) ENCIK MOHD KHAIRILL BIN JEMANGIN | Bahagian Pengurusan Koleksi |
| 6) ENCIK BADROL HISHAM BIN ABD RAHMAN | Muzium Negara |
| 7) PN. MASTURAH BINTI MOHD SAH | Unit Dasar dan Perancangan Strategik |
| 8) ENCIK SAHABUDIN BIN MD ISA | Muzium Perak |
| 9) PN. NOR HAFIZZAH BINTI ABD RAHMAN | Bahagian Pameran & Pengembangan |
| 10) PN. NORFIZA BINTI ZAINAL ABIDIN | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 11) PN. SITI SARAH BINTI MOHD NASSIM | Unit Keselamatan |
| 12) CIK NORIZAN BINTI BAHARUDIN | Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta |
| 13) ENCIK MOHD FAUDZI BIN SULAIMAN | Muzium Arekologi Lembah Bujang |
| 14) ENCIK A. RAHIM BIN BAHARUM | Muzium Kota Kayang |
| 15) ENCIK ASRUL SANI BIN SALIM | Muzium Seni Bina Malaysia |
| 16) PN. NORHALIZA BINTI HARUN | Unit Dasar dan Perancangan Strategik |
| 17) ENCIK MOHAMAD ALI BIN A.M. HAJA MOHAIDEEN | Muzium Alam Semulajadi |
| 18) PN. SHALIZA BINTI MAHMOD | Unit Kewangan |
| 19) ENCIK ZUL AFIQ BIN BAHARUDIN | Unit Pembangunan Modal Insan |
| 20) ENCIK MOHD HARITH BIN JAMALUDDIN | Muzium Kota Johor Lama |
| 21) ENCIK AHMAD SHAHIR BIN DAUD | Bahagian Konservasi |
| 22) ENCIK MOHD SYAFIQ BIN UMAR | Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta |
| 23) CIK NOORIZA MUNIRAH BINTI MOHD ISA | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 24) PN. JUAIRNA BINTI SAMAT | Unit Sumber Media |
| 25) ENCIK CHE JAMAL BIN CHE DOLLAH | Muzium Sungai Lembing |
| 26) CIK SAFIAH BINTI HARUN | Muzium Negara |
| 27) PN. ROHAYAH BINTI AWANG YAHYA | Muzium Labuan |
| 28) ENCIK MOHD NAZRI BIN MOHD SATI | Galeria Perdana |
| 29) ENCIK NASROL NIZAR BIN ELLIAS | Muzium Arkeologi Lembah Bujang |

2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sepanjang tahun 2015, JMM telah mengadakan 49 kursus jangka pendek dalam bidang per muzium (konservasi, koleksi, pameran, penyelidikan, penerbitan, pemasaran dan pendidikan) dan generik (teknologi maklumat, forum kurator, kewangan, keselamatan, motivasi dan keagamaan).



2.1 Kursus/Latihan/Seminar Dalam Negara

2.1.1 Kursus Fungsional

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
1.	Bengkel Konservasi Perabot	56	02 – 04 Mac
2.	Kursus Asas Teknik Penyediaan Pameran	46	09 – 13 Mac
3.	Bengkel Penerbitan Korporat Menggunakan Adobe Indesign	20	17 – 19 Mac
4.	Kursus Komunikasi Muzium	31	26 – 27 Mac
5.	Program Bicara Gambus 2 - Magnifestasi Budaya Melayu	229	07 April
6.	Kursus Mengenal dan Menilai Artifak (Pengkhususan Numismatik)	48	27 -28 April
7.	Program Bicara Adiguru "Jalinan Dan Harapan" : Tenun Diraja Pahang	200	28 Mei
8.	Bicara Foto : Foto Sebagai Bukti Sejarah	35	30 Mei
9.	Seminar Hari Muzium Antarabangsa 2015	200	08 Ogos
10.	Lawatan Kembara Ilmu Ke Istana Negara Jalan Duta	46	25 Ogos
11.	Bengkel Konservasi Artifak Berasaskan Bahan Kulit (Wayang Kulit, Peralatan Muzik & Hiasan Diri)	45	02 – 04 September
12.	Kursus Mengenal dan Menilai Artifak (Pengkhususan Perhiasan Diri)	49	27 – 28 September
13.	Museums Talk: Etinne Siguat, A Surveyor Of Shaghai Wharves. Chinese Sailing's Tradition At The Beginning Of The 20th Century	63	22 September
14.	Bengkel Kurasi Tulang Gajah	20	19 -22 Oktober
15.	Lawatan Kembara Ilmu Ke Bank Negara Malaysia	31	21 Oktober
16.	Program Bicara Dunia Melayu : Tradisi Pelayaran Melayu	311	29 Oktober
17.	Kursus Pengurusan Pusat Sumber Muzium	30	11 – 13 November
18.	Program Bicara Gambus Perdana : Keindahan Dan Pelestarian	167	27



2.1.2 Kursus Generik

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
1.	Memperkasakan Peranan Dan Komunikasi Pengawal Keselamatan Jabatan Muzium Malaysia	25	10 Jun
2.	Majlis Lambaian Ramadhan	45	12 Jun
3.	Ceramah Agama Kerja Satu Ibadah	51	26 Jun
4.	Bengkel Belajar Al-Quran Kaedah Haraki	54	29 – 30 Jun
5.	Ceramah Agama Ramadhan (Mukjizat Al-Quran)	48	03 Julai
6.	Program Kembara Taskirah Yadiem Sempena Bulan Ramadhan	179	09 Julai
7.	Taklimat Cuepacs	179	
8.	Ceramah Agama Ramadhan	60	10 Julai
9.	Kursus Asas Keselamatan Perlindungan & Keselamatan Dan Kesihatan	16	12 – 13 Oktober
10.	Kursus Asas Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu (Spkb) Bil. 1	16	20 – 22 Oktober
11.	Kursus Asas Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu (Spkb) Bil. 2	16	27



2.1.3 Kursus Sukarelawan Muzium

BIL	NAMA KURSUS	JUMLAH PESERTA	TARIKH
1.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Islam	30	03 Januari
2.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Emergency & Nationalism	30	06 Januari
3.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Hinduism	30	10 Januari
4.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Hinduism	30	13 Januari
5.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Dutch In Malaysia	30	17 Januari
6.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Colonial Characters	30	17 Januari
7.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Orang Asli (East & West Malaysia)	30	20 Januari
8.	Ceramah Sukarelawan Muzium- Baba Nyonya Culture	30	20 Januari
9.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Golden Age Of Melaka	30	24 Januari
10.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Orang Asli (East & West Malaysia)	30	27 Januari
11.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Islam	30	31 Januari
12.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Emergency & Nationalism	30	05 Februari
13.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Malaysia Parliamentary System & Formation Of Political Parties	30	07 Februari
14.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Malaysia Parliamentary System & Formation Of Political Parties	30	07 Februari
15.	Ceramah Sukarelawan Muzium - History Of Kuala Lumpur	30	07 Februari
16.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Golden Age Of Melaka	30	31/3 Oktober
17.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Keris	30	7/12 November
18.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Orang Asli	30	14/17 November
19.	Ceramah Sukarelawan Muzium - Dutch In Malaysia	30	21/24 November
20.	Ceramah Sukarelawan Muzium -Malaysia Parliamentary	30	12 Disember

Jadual 1: Senarai kursus/latihan/seminar di dalam negara JMM 2015



2.2 Latihan/Seminar/Persidangan Luar Negara

Pada Tahun 2015, kakitangan JMM telah menghadiri 15 latihan/seminar/persidangan di luar negara seperti di Jadual 2.

BIL.	PESERTA	TAJUK	TEMPAT	TARIKH	ANJURAN
1.	1) Dato' Haji Ibrahim bin Ismail 1) Pn. Nirmala binti Sharippudin 2) Cik Kartina binti Abdul Khalid	The 5th ASEAN Traditional Textiles Symposium, Chiang Mai, Thailand	Bangkok dan Ching Mai, Thailand	16 – 21 Januari 2015	Jabatan Muzium Malaysia
2.	1) Pn. Hadijah binti Mohd Yunus 1) Pn. Rosidah binti Abdullah 2) En. Mohd Syahrul bin Ab. Ghani	Program Pameran Antarabangsa Koleksi Terpilih Tekstil Malaysia	Chiang Mai, Thailand	16 – 21 Januari 2015	Payap Universiti, Ching Mai, Thailand
3.	1) Dato' Haji Ibrahim bin Ismail	Penyelidikan Budaya	Bali, Indonesia	01 – 06 Februari 2015	Jabatan Muzium Malaysia

BIL.	PESERTA	TAJUK	TEMPAT	TARIKH	ANJURAN
4.	1) Dato' Haji Ibrahim bin Ismail 2) Pn. Eyo Leng Yan	Lawatan kerja rasmi ke Art Exhibition China dan perbincangan jalinan kerjasama dengan Phu Wiang Dinosaur Museum, Thailand	Beijing, China, Bangkok dan Khon Kaen, Thailand	08 – 15 Mac 2015	Jabatan Muzium Malaysia
5.	Pn. Farizawati binti Sabri	Lawatan rasmi ke Muzium Dinosaur Phu Wiang dan Muzium Dinosaur Sirindhorn, Thailand	Khon Kaen, Thailand	12 – 15 Mac 2015	Jabatan Muzium Malaysia
6.	1) En. Suhaimi bin Basiron 2) En. Ahmad Zulkarnaian bin Alias	Penyelidikan dan penelitian Koleksi Melayu Bugis Makassar bagi tujuan Cadangan Perolehan Artifak JMM	Makassar, Sulawensi Selatan, Indonesia	06 – 10 Mei 2015	Jabatan Muzium Malaysia
7.	Pn. Raja Suriaty binti Raja Ahmed	Seminar and performances: The Spiritual Dimensions of Rice Culture in Southeast Asia	Bangkok, Thailand	10 – 15 Mei 2015	SEAMEO SPAFA
8.	En. Mohd Azmi bin Mohd Yusof	Intergovernmental Meeting of Expert (Category II) Related To A Draft Recommendation On The Projection and Promotion of Museums and Collections	Paris, Perancis	25 – 30 Mei 2015	UNESCO
9.	Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman	Program Culture Partnership Initiative (CPI)	Seoul, Korea	01 Jun – 30 November 2015	National Folk Museum of Korea
10.	En. Mohd Jamil bin Haron	A Seminar and Workshop on Cultural Tourism Management in ASEAN	Bang Rak, Bangkok, Thailand	30 Jun – 04 Julai 2015	Silpakorn University International Affairs Office dan JMM
11.	En. Kamarul Baharin bin A. Kasim	Mesuarat 30th SEAMEO-SPAFA Governing Board Meeting	Luang Prabang, Loas	13 – 16 September 2015	SEAMEO-SPAFA dan JMM
12.	Pn. Eyo Leng Yan	International Symposium of Science Museums 2015	Daejeon, Korea	20 – 27 Oktober 2015	National Science Museum
13.	Pn. Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff	'ASEAN Workshop on Cultural Heritage Tourism'	Denpasar, Bali, Indonesia	26 – 31 Oktober 2015	Kementerian Pelancongan Indonesia dan JMM
14.	En. Mohamad Shawali bin Hj. Badi	Perhimpunan Agung Ke-29 ICCROM (General Assembly)	Caralla Rome, Itali	16 – 22 November 2015	ICCROM
15.	Pn. Noraini binti Basri	5th Asian National Museum Association Meeting & Conference	Asian Civilisations Museum, Singapura	25 – 27 November 2015	ANMA

Jadual 2: Senarai latihan/seminar/persidangan di luar negara JMM 2015



Galeria Perdana

**KOLABORASI
STRATEGIK,
PENGUKUHAN
INFRASTRUKTUR
DAN
PEMBUDAYAAN ICT**

KOLABORASI STRATEGIK, PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBUDAYAAN ICT

PROFIL

Program Dasar dan Pembangunan terletak di bawah portfolio Bahagian Dasar dan Pembangunan. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar Jabatan dan aktiviti pembangunan, pengurusan harta dan teknologi maklumat Jabatan.

Unit Dasar Dan Perancangan Strategik bertanggungjawab merancang dan merangka dasar-dasar, strategi-strategi dan membuat penyelarasan pelaksanaan dasar dan strategi yang telah digubal, memastikan dasar, plan strategik, peraturan dan program jabatan yang telah dirancang dan digubal dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan, menjalankan semakan dan kajian semula dasar dari semasa ke semasa mengikut perkembangan serta keperluan dalaman dan faktor luaran, memastikan penyediaan maklumbalas dan input yang berkaitan dengan jabatan dan muzium-muzium di bawahnya diselaraskan dalam tempoh yang ditetapkan, menyelaras KPI Jabatan Muzium Malaysia bagi pihak jabatan dan pihak kementerian, dan bertanggungjawab dalam segala urusan berkaitan kertas Jemaah menteri, hal-hal berkaitan Parlimen dan membuat maklumbalas yang perlu disediakan oleh Jabatan kepada pihak yang berkaitan.

Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau penyediaan skop/spesifikasi kerja, kuantiti, lukisan pelan, dokumen tender, dokumen kontrak dan sebagainya, memberikan khidmat nasihat kepada muzium-muzium di bawah seliaan JMM, SUK Negeri, agensi kerajaan dan swasta berkenaan museum planning, termasuk spesifikasi teknikal dan need statements dalam perancangan pembinaan muzium-muzium baru atau naiktaraf sedia ada, menguruskan penyelarasan peruntukan pembangunan, pengeluaran surat permohonan waran, waran kecil dan berkaitan dengannya, menguruskan perkara-perkara teknikal berkaitan pembangunan seperti perlantikan konsulan, penyediaan skop/spesifikasi kerja, kuantiti, lukisan pelan,



dokument sebutharga, dokumen tender, dokumen kontrak dan perkara-perkara berkaitan, memberi khidmat nasihat kepada muzium/bahagian/unit berkaitan prosedur perolehan dan pengurusan projek dan melaksanakan pembaikan, pemulihan dan penyelenggaraan fizikal serta sistem elektrik dan mekanikal di ibu pejabat dan bangunan-bangunan muzium di bawah JMM

Unit Teknologi Maklumat pula bertanggungjawab Merancang, melaksana dan menyelenggara pembangunan sistem dan multimedia, rangkaian dan keselamatan serta bantuan teknikal mengikut keperluan Jabatan, membangun, menyelenggara dan mengemas kini laman web dan sistem dalaman Jabatan dan memberi khidmat nasihat dan kepakaran kepada setiap Bahagian dalam bidang teknologi maklumat.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2015, Bahagian Dasar dan Pembangunan telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar Jabatan dan aktiviti pembangunan, pengurusan harta dan teknologi maklumat Jabatan.

1.0 PROGRAM PEMBANGUNAN MUZIUM

2.0 PROJEK PEMBANGUNAN DATARAN MUZIUM

Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta juga mengendalikan urusan Pembangunan Dataran Muzium oleh pihak Khazanah Negara.

KRONOLOGI CADANGAN PROJEK TAMAN TUGU & DATARAN MUZIUM OLEH KHAZANAH NASIONAL BERHAD

Bil.	Tarikh / Tempat	Aktiviti
1.	16—18 Januari 2015 Hotel Mahkota, Melaka	Retreat 'Pemukiman Penyediaan Need Statements untuk Cadangan Pembangunan Kompleks Bersepadu JMM'
2.	20 Januari 2015 Menara DBKL	Pembentangan Cadangan Projek oleh Khazanah Nasional Berhad kepada JMM dipengerusikan YB Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.
3.	13 Februari 2015 Jabatan Perdana Menteri	Pembentangan Cadangan Projek oleh Khazanah Nasional Berhad kepada YB Dato' Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
4.	9 Mac 2015	Museum Workshop bersama JMM, DBKL, MOTAC, KWP dan ahli pakar yang dilantik oleh Khazanah Nasional Berhad. Topik perbincangan; <ul style="list-style-type: none"> Rumusan/resolusi daripada Expert Group Invitation Workshop yang telah diadakan pada 25 Okt – 26 Okt 2014 oleh En. Hamdan Majeed dan Luis Moreal Pembentangan mengenai The Role of The Museum in a Decolonizing Southeast Asia oleh Prof. Wang Gungwu dan Prof. Khoo Kay Kim Pengenalan kepada plan; Urban Planning; Engineering & Future Development oleh Jiv Sammanthan Pembentangan mengenai Need Statements/The future plans untuk Muzium Negara oleh En. Kamarul Baharin bin A. Kasim Pembentangan mengenai A Museum for The 21st Century; Experience of the Louvre oleh Henry Loyretta, mantan pengarah The Luvre Museum, Paris
5.	20 Mei 2015	Mesyuarat susulan membincangkan maklumbalas, pelan induk, aspirasi & konsep, cadangan penubuhan National Trust & peruntukan kewangan
6.	23—24 Jun 2015 Bilik Persidangan JMM	Program/bengkel susulan peringkat JMM berkenaan penyediaan/penambahbaikan Need Statements setiap Bahagian/Unit
7.		Sesi Pembentangan Need Statements kepada Khazanah Nasional Berhad dengan kehadiran wakil dari pihak; <ul style="list-style-type: none"> Pegawai – pegawai kanan JMM; 7 Julai 2015 Bilik Mesyuarat Petala Indera JMM Aecom Malaysia (Puan Inez Othman)
8.	24—25 Ogos 2015 Aloft Hotel, KL Sentral	Visioning Workshop untuk membincangkan maklumbalas Need Statements secara lebih terperinci untuk menentukan visi JMM untuk menjadi World Class Museum tercapai <ul style="list-style-type: none"> Think City/Khazanah Nasional (En. Hamdan Abdul Majeed, Dr. Neil Khor, Ms. Michelle Tan & Mdm Janet Tee);
9.	5 September 2015 Bilik Mesyuarat Petala Indera, JMM	Mesyuarat Pasca Visioning Workshop Projek Pembangunan Dataran Muzium (Greater KL) bersama Think City; <p>Pembentangan hasil Visioning Workshop oleh Think City Rumusan dan penentuan resolusi bersama</p>

Bil.	Tarikh / Tempat	Aktiviti
10.	8 September 2015 KLCC	Invitation to Dataran Museum Project Expert Panel Workshop yang diadakan di KLCC; <ul style="list-style-type: none"> Pembentangan mengenai Visi dan perancangan masa depan Muzium Negara oleh JMM dan Think City Perbincangan mengenai Narrative of The Future Museum Negara
11.	Oktober 2015	<ul style="list-style-type: none"> Penubuhan Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Penasihat bagi projek ini. Perbincangan khas Pengurusan tertinggi JMM bersama pihak Khazanah bagi mendapatkan maklumbalas mengenai status projek Taklimat dan sesi perkongsian pengalaman oleh Mr. Luis Monreal (mantan Ketua Setiausaha UNESCO) bersama Jawatankuasa Kerja peringkat Jabatan.
12.	November 2015	Mesyuarat Perkongsian Strategi bersama 4 orang pakar jemputan pada 7 November 2015; <ol style="list-style-type: none"> Ar. Najib A. Ariffin, NADGE Tn. Hj. Mohd Yusof Abdullah, Lembaga Muzium Negeri Terengganu En. Tazudin Mokhtar, Jabatan Muzium Sarawak Pn. Zanita Anuar, Balai Seni Visual Negara <p>Mesyuarat Penyelaras Projek di Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP);</p> <ol style="list-style-type: none"> Penyediaan Nota Jemaah Menteri oleh KWP Penubuhan lembaga Pengurusan (Trust Fund) bagi pengurusan baru kawasan Taman Tugu dan Muzium Negara <p>Perbincangan Khas Pengurusan Tertinggi JMM bersama pihak Khazanah Nasional Berhad bagi mendapatkan maklumbalas terkini mengenai status projek;</p> <ol style="list-style-type: none"> Isu bangunan Ibu Pejabat JMM Isu Penubuhan lembaga Pengurusan (Trust Fund) bagi pengurusan baru kawasan Taman Tugu dan Muzium Negara
13.	15 Disember 2015 Bilik Mesyuarat Sejahtera, Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya	Mesyuarat Penyelaras cadangan projek Taman Tugu dan Dataran Muzium oleh Khazanah Nasional Berhad Bil. 2/2015 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Sani bin Mistam, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan); <p>Status terkini perbincangan Khazanah Nasional Berhad dengan stakeholders terlibat; dan Penelitian Draf Memorandum Jemaah Menteri.</p>

3.0 SENARAI PERKHIDMATAN KONTRAK JABATAN MUZIUM MALAYSIA

- Perkhidmatan Penyelenggaraan Kebersihan & Lanskap
- Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap
- Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata
- Perkhidmatan Penghawa Dingin
- Perkhidmatan Penyewaan
- Perkhidmatan Penyelenggaraan Lif

4.0 PERUNTUKAN TAMBAHAN BELANJA MENGRUS MULAI OKTOBER HINGGA DISEMBER 2015

BIL.	MUZIUM / UNIT	ANGGARAN KOS (RM)
1	MUZIUM DIRAJA	41,510.00
2	GALERIA PERDANA	31,601.50
3	MUZIUM ADAT	0.00
4	MUZIUM AUTOMOBIL	0.00
5	MUZIUM JOHOR LAMA	0.00
6	MUZIUM KOTA KAYANG	31,061.00
7	MUZIUM KOTA KUALA KEDAH	6,790.00
8	MUZIUM LABUAN	20,990.00
9	MUZIUM MATANG	0.00
10	MUZIUM MUZIK	23,480.00
11	MUZIUM PERAK	3,225.00
12	MUZIUM TEKSTIL NEGARA	29,178.00
13	MUZIUM SENI KRAFT ORANG ASLI	0.00
14	MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU	0.00
15	MUZIUM LEMBAH BUJANG	4,000.00
16	MUZIUM SUNGAI LEMBING	0.00
17	MUZIUM ALAM SEMULAJADI	0.00
18	MUZIUM SENI BINA	22,797.75
19	MUZIUM LUKUT	40,322.00
20	MUZIUM NEGARA	40,335.00
21	BANGUNAN REPOSITORI (BANGI)	0.00
22	PEJABAT JMM	131,470.00
	JUMLAH	426,760.25

Peruntukan Tambahan utk kerja2 Penyelenggaraan dan pembaikan pada 9.10.2015 Oktober oleh Unit Kewangan	120,000.00
30.10.2015.. Peruntukan tambahan	200,000.00
19.11.2015.. Peruntukan tambahan	70,000.00
25.11.2015.. Peruntukan tambahan	50,000.00
Jumlah	440,000.00
Baki	13,239.75

2. PROGRAM DASAR

Sepanjang tahun 2015, Unit Dasar dan Perancangan Strategik telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya menyelaras perhubungan dan kerjasama peringkat domestik dan antarabangsa seperti menguruskan kunjungan hormat dan lawatan rasmi dari dalam dan luar negara bagi memperluas jaringan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia dengan agensi luar.

• LAWATAN RASMI DALAM NEGARA 2015

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Lawatan kerja dari Jabatan Alam Sekitar	26 Januari 2015	Bilik Mesyuarat Petala Indera
2.	Perbincangan khidmat nasihat pengendalian artifak dan penyediaan pameran artifak serta penyediaan pameran artifak Perubatan Tradisional Melayu di Muzium Bioperubatan IMR	28 Januari 2015	Bilik Mesyuarat Petala Indera
3.	Lawatan kerja ke Labuan sempena perbincangan awalan MoU dengan Universiti Brunei Darussalam	30 dan 31 Mac 2015	Labuan
4.	Lawatan ke Aquaria	14 Mei 2015	KLCC
5.	Lawatan ke Lembaga Muzium Negeri Perak untuk persediaan Hari Muzium Antarabangsa	28 Mei 2015	Lembaga Muzium Negeri Perak
6.	Lawatan tapak ke Muzium Seni Bina Malaysia dan Muzium Dunia Melayu Dunia Islam (PERZIM) sebagai persediaan Pameran Istana Chezh.	23 Disember 2015	Melaka

• LAWATAN RASMI LUAR NEGARA 2015

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Kunjungan hormat Duta Republik di Malaysia.	09 Februari dan 18 September 2015	Bilik Tetamu VIP Ketua Pengarah
2.	Kunjungan hormat Duta Mexico di Malaysia untuk perbincangan kerjasama Pameran.	26 Mac 2015	Bilik Tetamu VIP Ketua Pengarah
3.	Lawatan rasmi dari Art Exhibition China (AEC) untuk perbincangan kerjasama pameran	30 November 2015	Bilik Tetamu VIP Ketua Pengarah
4.	Kunjungan hormat dari National Museum Of China (NMC)	01 Disember 2015	Bilik VIP utama (hadapan Lobi)
5.	Lawatan rasmi dari Duta Republik Czech di Malaysia	02 Disember 2015	Bilik Tetamu VIP Muzium Negara
6.	Kunjungan hormat dari Taipei Economic and Culture Office (TECO)	08 Disember 2015	Bilik VIP utama (hadapan Lobi)

3. PROGRAM PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2015, Bahagian Teknologi Maklumat telah menjalankan beberapa projek ICT mengikut klasifikasi iaitu: melaksanakan perolehan perkakasan dan perisian; mengurus keselamatan teknologi maklumat; menguruskan rangkaian; mengurus perkhidmatan internet dan emel; menyokong keperluan perkakasan dan perisian, termasuk khidmat kepakaran dan runding cara; membangun dan menyelenggara sistem aplikasi dan menguruskan laman web.

1) Keselamatan Rangkaian, Teknikal Dan Operasi

Pemantapan infrastruktur dan keselamatan rangkaian ICT JMM terdiri dari pengukuhan infrastruktur ICT dan pemantapan keselamatan maklumat bagi meningkatkan keupayaan infrastruktur dan keselamatan ICT. Ia merangkumi pembangunan, perluasan, peningkatan, menaiktaraf sistem rangkaian, penyelenggaraan perkakasan dan perisian serta pematuhan polisi. Terdapat enam program yang dijalankan iaitu :

- Menaiktaraf Perisian Antivirus dan Penyelenggaraan Pencegahan Komputer

Perisian Antivirus terkini telah digunakan di JMM. Antivirus yang digunakan adalah Webroot. Perisian ini dipasang sepenuhnya ketika projek penyelenggaraan pencegahan dilaksanakan di Jabatan Muzium Malaysia dan semua muzium dibawahnya. Projek ini telah siap dilaksanakan pada 26 Jun 2015.

- Pelaksanaan Emel 1GovUC di JMM

JMM adalah agensi pertama di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah melaksanakan penggunaan 1GovUC. 1GovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, instant messaging, faksimili, sistem pesanan ringkas (SMS) serta Sistem Pengurusan Identiti.



Terdapat beberapa kelebihan pelaksanaan 1GovUC di JMM iaitu :

- 1GovUC dijamin selamat untuk digunakan yang mana ia dikawal sepenuhnya oleh kerajaan.
- 1GovUC adalah sebahagian daripada perkhidmatan sistem cloud kerajaan yang diletakkan di dalam Pusat Data Sektor Awam yang menggunakan perkhidmatan rangkaian 1Gov*Net
- Tahap keselamatan perkhidmatan dipantau sepenuhnya oleh Pusat Operasi Keselamatan Kerajaan Malaysia (MyGSoc).
- Penggunaan anti-spam dan antivirus dilaksanakan untuk menapis kandungan e-mel dan menangkis virus serta kod perosak
- Penjimatan kos pengurusan ICT
- Penerapan inisiatif teknologi hijau
- Peningkatan kecekapan urusan komunikasi

Pada tahun 2015 Pelaksanaan 1GovUC di JMM hanya melibatkan penggunaan emel sahaja. 1GovUC telah dilaksanakan sepenuhnya pada 7 Julai 2015.

- Penyelenggara Sistem Firewall

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan terjamin, Sistem Firewall sentiasa dikemaskini dan diselenggara berdasarkan best practices approach yang terdapat dalam industri untuk memantau rangkaian daripada ancaman pencerobohan. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 20 Ogos 2015.

- Penyelenggara Sistem Active Directory JMM

Sistem Active Directory telah mula digunakan di JMM pada tahun 2007. Ia digunakan untuk mengurus identiti pengguna dan groups dalam rangkaian LAN (Local Area Network). Di JMM, Sistem Active Directory digunakan untuk mengintegrasikan pengguna dalam rangkaian WiFi, Storage File System, Sistem Intranet JMM dan Laman Web JMM. Sistem ini telah dinaiktaraf sepenuhnya pada 27 Oktober 2015.

- Penyelenggara Sistem Internet Content Filtering di Jabatan Muzium Malaysia

Sistem Internet Content Filtering digunakan untuk menapis kandungan akses ke internet. Ia juga berfungsi sebagai pencegahan dari ancaman malware yang dikenali melalui internet. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003, Garis Panduan mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan dan dasar keselamatan ICT JMM digunakan sebagai panduan bagi penetapan polisi akses pengguna ke internet. Projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 4 Disember 2015.

- Penyelenggara Dynamic Host Configuration Protocol - Domain Name System (DHCP-DNS) dan Pelaksanaan IP Access Management di JMM



Domain Name System (DNS) merupakan sistem yang menyimpan maklumat mengenai nama hos dan nama domain di internet. Dynamic-Host-Client Protocol (DHCP) pula berfungsi untuk memberikan alamat IP kepada DHCP Client atau mana-mana peranti yang mempunyai capaian ke rangkaian seperti komputer desktop, komputer riba, mobile device dan sebagainya. Penyelenggaraan DHCP-DNS adalah perlu bagi memastikan capaian terhadap semua sistem aplikasi JMM dapat dicapai. Selain itu, IP Access Management digunakan untuk memudahkan pengurusan DNS, DHCP alamat IP di JMM. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 18 Disember 2015.

- Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Maklumat JMM

JMM telah melaksanakan penilaian risiko keselamatan maklumat melalui Sistem HiLRA berdasarkan The Malaysian Public Sector Information Security High Risk Assessment untuk sesi 2015.

2) Laman Web Dan Multimedia

- Lawatan Penandaarasan Teknologi Laman Web: Satu lawatan penandaarasan Teknologi Laman Web oleh Bahagian Pengurusan Maklumat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah diadakan pada 17 September 2015. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan berkongsi teknologi terkini antara Bahagian Pengurusan Maklumat JKKM dengan pihak Unit Teknologi Maklumat yang mempunyai pengalaman menggunakan Drupal CMS sebagai sistem pengurusan laman web rasmi Jabatan Muzium Malaysia.

- Naiktaraf Versi Drupal Content Management System (CMS) Dan Pengukuhan Keselamatan Laman Web JMM: Versi Drupal CMS Laman Web rasmi Jabatan Muzium Malaysia telah dinaiktaraf daripada versi 7.34 kepada versi 7.40 bagi memastikan CMS dipasang dengan patches terkini bagi mengelakkan Laman Web JMM dieksploitasi oleh penggodam. Naik taraf ini telah selesai pada 20 Oktober 2015.
- Naik Taraf dan Penyelenggaraan Sistem Intranet JMM Secara Dalam (in-house): Laman Intranet JMM telah dinaik taraf secara dalaman oleh UTM. Tujuan intranet ini adalah untuk berkongsi maklumat, aktiviti muzium/bahagian/unit, kertas kerja, buletin, dokumen percambahan ilmu dan sebagainya. Sistem ini boleh diakses oleh warga JMM bermula pada 14 Disember 2015.
- Kursus Web Development With Joomla : Satu Kursus Web Development With Joomla yang dianjurkan oleh INTAN pada 14-17 Disember 2015 telah dihadiri oleh Encik Noor Hanizam bin Mohammed. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan dengan pembangunan laman web menggunakan CMS Joomla selaras dengan perancangan UTM untuk menghasilkan laman web Muzium Negara secara dalaman (in-house) pada tahun 2016.
- Penilaian ProBE 2015 Laman Web JMM: Laman web rasmi JMM telah dinilai dan telah mendapat pengiktirafan 5 bintang berdasarkan kriteria (Provider Based Evaluation) . ProBE yang dulu dikenali sebagai Malaysia Government Portal and Website Assesment (MGPWA) diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan laman web dan portal kepada orang awam dengan memperkenalkan beberapa kriteria baru yang ditambah baik berdasarkan kriteria sebelum ini.

a) Jumlah Pengunjung Laman Web JMM (www.jmm.gov.my)

TAHUN	PENGUNJUNG
2014	157191
2015	152900

b) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Negara (www.muziumnegara.gov.my)

TAHUN	PENGUNJUNG
2014	91391
2015	97788

- c) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Tekstil Negara (www.muziumtekstilnegara.gov.my)

TAHUN	PENGUNJUNG
2014	157191
2015	152900

3) Pembangunan Aplikasi

- Perluasan Sistem Aduan UPPH JMM (MUSESOS): Sebelum ini digunakan di Ibu Pejabat JMM sahaja. Pada tahun 2015, penggunaan sistem telah diperluaskan ke wilayah-wilayah bagi memudahkan aduan dan pemantauan dilakukan oleh pengguna sistem.



- Penggantian dan Naik Taraf Perkakasan Sistem Tiket Jabatan Muzium Malaysia di Galeria Perdana dan Pameran Khas: Bagi memastikan kelancaran operasi Sistem Tiket, perkakasan telah diganti dan dinaik taraf masing-masing pada 6 Oktober 2015 dan 19 November 2015.





Muzium Etnologi Dunia Melayu

MARTABATKAN FUNGSI, MANTAPKAN ORGANISASI

- Pengurusan Koleksi: Memelihara Khazanah Negara
- Pengurusan Konservasi: Memulihara Warisan Bangsa
- Penyelidikan dan Dokumentasi: Memperkasa Bidang Permuziuman
- Pameran dan Pengembangan: Memartabat dan Melestarikan Ilmu Yang Tersimpan
- Program/Aktiviti Muzium-muzium di bawah JMM: Merakyatkan Muzium

MARTABATKAN FUNGSI, MANTAPKAN ORGANISASI

PROFIL

Program Permuziuman merangkumi pengurusan koleksi, pengurusan konservasi, penyelidikan dan penerbitan serta pameran dan pengembangan.

PENGURUSAN KOLEKSI: MEMELIHARA KHAZANAH NEGARA

Bahagian Pengurusan Koleksi bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan aktiviti perolehan koleksi, daftar koleksi, inventori serta sistem penyimpanan dan pemuliharaan koleksi artefak Jabatan.

Unit Perolehan Artefak bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau program perolehan koleksi jabatan, mengurus dan menyelaras perolehan artefak dan menjadi urus setia perolehan artefak jabatan, membuat pendaftaran artefak mengikut klasifikasi yang ditetapkan secara manual dan berkomputer serta menguruskan peminjaman artefak dari dalam mahupun luar mengikut peraturan yang ditetapkan.

Unit Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab mengurus sistem penyimpanan dan penyusunan untuk penstoran artefak secara sistematik, menyelia sistem keselamatan repository Jabatan Muzium Malaysia dan muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia, menyelia status kondisi artefak bagi tujuan konservasi dan menyemak serta mengemaskini data perolehan, pinjaman secara berjadual bagi tujuan pemeriksaan dalaman artefak Jabatan.

Unit Inventori Koleksi Artefak bertanggungjawab melaksana kerja-kerja inventori artefak, menjalankan program semakan dan penilaian artefak Jabatan Muzium Malaysia secara pemeriksaan dalaman, melaksanakan kajian dan penyelidikan bagi tujuan melengkapkan maklumat inventori artefak dan bertanggungjawab mengendalikan penyelidikan oleh penyelidik dalaman serta luaran.

Unit Arkib Dan Pendaftaran Elektronik bertanggungjawab melaksanakan sistem pendaftaran artefak, menyimpan rekod-rekod inventori perolehan dan peminjaman secara sistematik melalui system E-ARMS (Electronic Artifacts Management system), melengkapkan semakan rekod secara elektronik, melaksanakan program pendigitalan foto dan katalog secara elektronik, mendaftar, menyimpan semua bahan-bahan penyelidikan bagi tujuan rujukan artefak, mendaftar dan menyimpan bahan-bahan bergambar, video, kaset dan bahan-bahan bercetak Jabatan, penyimpanan ilustrasi, manuskrip peta dan rekod-rekod berkaitan aktiviti Jabatan akan membantu kakitangan Jabatan membuat rujukan melalui bahan-bahan arkib Jabatan.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Bagi tahun 2015, kerja-kerja pengurusan koleksi adalah lebih kepada kerja-kerja pendaftaran artefak melibatkan 995 artefak dan menerima hadiah pelbagai artefak sejumlah 399 artefak.

PENGURUSAN KONSERVASI: MEMULIHARA WARISAN BANGSA

Bahagian Pengurusan Konservasi bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pemantauan aktiviti konservasi koleksi artefak Jabatan, Memastikan koleksi artefak jabatan berada dalam keadaan baik dengan membuat pemuliharaan, penyelidikan dan pemantauan artefak serta menjadi pusat rujukan yang menyediakan khidmat penyelidikan, latihan pendokumentasian dan nasihat kepada umum.

Unit Konservasi Bahan Bukan Organik bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program kerja konservasi bukan organik koleksi JMM seperti logam, batuan, seramik dan sebagainya, menjalankan penyelidikan komprehensif terhadap bahan buatan dan teknologi penghasilan sesuatu bahan bukan organik, menjalankan analisis sesuatu bahan menggunakan kaedah saintifik dalam proses konservasi sesuatu bahan bukan organik, menjalankan penyelidikan dan penghasilan produk-produk konservasi yang akan dikomersilkan bagi tujuan konservasi bahan bukan organik serta memberi latihan dalaman dan juga kepada agensi-agensi berkaitan dalam aspek konservasi artefak bukan organik.

Unit Konservasi Bahan Organik bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program kerja konservasi artefak organik koleksi Jabatan



Muzium Malaysia, memastikan kerja-kerja konservasi arifak bahan organik koleksi Jabatan dilaksanakan mengikut piawaian konservasi yang ditetapkan, menjalankan analisis sesuatu bahan organik menggunakan kaedah saintifik dalam proses konservasi sesuatu bahan organik, memberi khidmat nasihat kepada institusi berkaitan atau orang perseorangan terhadap konservasi artifak organik, dan memberi latihan kepada kakitangan di bawah seliaan mengenai kerja-kerja konservasi artifak bahan organik.

Unit Konservasi Preventif bertanggungjawab memastikan keselamatan artifak di Repositori dan galeri-galeri pameran dengan melaksanakan pemantauan persekitaran secara berkala yang melibatkan pemantauan suhu dan cahaya supaya mematuhi piawaian.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Bahagian Pengurusan Konservasi telah menerima pelbagai artifak koleksi jabatan untuk dikonservasi. Sepanjang tahun 2015 sebanyak 1087 artifak telah siap dan selesai dikonservasi mengikut kategori organik, bukan organik dan preventif .

Nama Program / Aktiviti	Pemantauan Galeri dan Penilaian Kondisi Artifak
Tarikh / Masa	05.02.2015
Tempat	Muzium Automobil Nasional
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pemantauan Galeri dan Penilaian Kondisi Artifak
Tarikh / Masa	17.02.2015
Tempat	Muzium Lukut
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pemulangan Artifak Summer Palace
Tarikh / Masa	10.03.2015
Tempat	Muzium Negara
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pembersihan Artifak Berskala Besar
Tarikh / Masa	18-20.03.2015
Tempat	Jabatan Muzium Malaysia
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pemulangan Artifak 7 Sword
Tarikh / Masa	24.03.2015
Tempat	Repositori JMM
Catatan / Butiran	

Nama Program / Aktiviti	Pemantauan Galeri dan Penilaian Kondisi Artifak
Tarikh / Masa	24-26.03.2015
Tempat	Muzium Matang
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Konservasi Meriam Nassau
Tarikh / Masa	13-17.04.2015
Tempat	Muzium Lukut, Negeri Sembilan
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Penilaian & Kondisi artifak Pedang dari Muzium Sabah
Tarikh / Masa	30.04.2015
Tempat	Bahagian Pendaftaran JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pembersihan artifak didalam Istana Satu
Tarikh / Masa	19.05.2015
Tempat	Istana Satu, Muzium Negara
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pembersihan artifak di luar kawasan Muzium Negara
Tarikh / Masa	20.05.2015
Tempat	Ruang Legar Muzium Negara
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pembersihan artifak di Galeri sempena Majlis Perasmian Muzium Kota Kayang, Perlis
Tarikh / Masa	21-26.05.2015
Tempat	Muzium Kota Kayang, Perlis
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Memantau kerja-kerja pest control di dalam ruang pameran galeri Muzium Muzik
Tarikh / Masa	28.05.2015
Tempat	Muzium Muzik, Kuala Lumpur
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Menghantar replika artifak Perahu Lancang Kuning yang telah siap dibaikpulih.
Tarikh / Masa	28.05.2015
Tempat	Muzium Negara
Catatan / Butiran	

Nama Program / Aktiviti	Pembersihan artifak Wayang Kulit
Tarikh / Masa	03.6.2015
Tempat	Makmal Konservasi JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Memantau kerja-kerja Kawalan Suhu di Muzium Negara
Tarikh / Masa	03.07.2015
Tempat	Muzium Negara
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Menghantar replika artifak Perahu Lancang Kuning yang telah siap dibaikpulih.
Tarikh / Masa	11.07.2015
Tempat	Muzium Negara
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pembersihan artifak Gendang
Tarikh / Masa	27.07.2015
Tempat	Makmal Konservasi JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pemeriksaan artifak di Galeri dan kawasan sekitarnya
Tarikh / Masa	18.08.2015
Tempat	Muzium Kota Kuala Kedah
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pemeriksaan artifak Kapal Layar Maizurah dan mencari tukang kayu
Tarikh / Masa	19 - 21.08.2015
Tempat	Galeria Perdana, Langkawi
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pemeriksaan artifak dan kerja-kerja konservasi
Tarikh / Masa	24-28.08.2015
Tempat	Muzium Matang
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Program House Keeping
Tarikh / Masa	14.09.2015
Tempat	Rumah Fatimah Zahra
Catatan / Butiran	

Nama Program / Aktiviti	Konservasi artifak dari Istana Satu
Tarikh / Masa	03.10.2015
Tempat	Makmal Konservasi JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Konservasi Ukiran Kayu
Tarikh / Masa	04.10.2015
Tempat	Makmal Konservasi JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Konservasi Pintu Gerbang
Tarikh / Masa	04.10.2015
Tempat	Galeri JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Konservasi & Restorasi Kapal Layar Maizurah Fasa 1
Tarikh / Masa	01.11.2015-16.11.2015
Tempat	Galeria Perdana,Langkawi
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Penilaian Kondisi Gambus untuk Pameran Gambus Serantau
Tarikh / Masa	19.11.2015
Tempat	Repositori JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Pembersihan Koleksi Gambus
Tarikh / Masa	20.11.2015
Tempat	Galeri JMM
Catatan / Butiran	



Nama Program / Aktiviti	Restorasi artifak seramik biru & putih
Tarikh / Masa	21.11.2015
Tempat	Galeri JMM
Catatan / Butiran	
Nama Program / Aktiviti	Restorasi Kapal Layar Maizurah Fasa 2
Tarikh / Masa	04.12.2015
Tempat	Galeria Perdana, Langkawi
Catatan / Butiran	

PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI: MEMPERKASA BIDANG PERMUZIUMAN

Bahagian Penyelidikan bertanggungjawab merancang tajuk-tajuk penyelidikan dalam bidang sejarah dan budaya yang menepati keperluan permuziuman, melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dalam kedua-dua bidang dengan menggunakan kaedah-kaedah penyelidikan yang bersesuaian, mengumpul, merekod dan mendokumenkan segala hasil penyelidikan dalam bentuk gambar, video dan lain-lain medium penyimpanan, menyebarkan hasil penyelidikan dalam bentuk pameran, penerbitan atau program-program pendidikan, Menjalankan penyelidikan ke atas tajuk yang telah diputuskan untuk tujuan penyediaan kertas konsep yang mengandungi maklumat mengenai kandungan pameran, menyediakan jalan cerita / story line yang bersesuaian dengan kandungan pameran, menjalankan penyelidikan mengikut tajuk-tajuk yang telah diputuskan meliputi maklumat kandungan, pengumpulan gambar, dokumen, risalah, cadangan artifak / bahan pameran dan sebagainya dan penyediaan bahan penulisan yang menepati keperluan permuziuman dan melaksanakan terjemahan bahasa seperti yang dipersetujui dalam bentuk teks penerangan, kapsyen dan label.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Dalam melestarikan sejarah dan warisan negara, Jabatan Muzium Malaysia menjadikan program penyelidikan mengenai artifak, sejarah, kebudayaan dan kekayaan alam semula jadi negara sebagai fokus utama. Hasil daripada penyelidikan ini dianalisis dan didokumentasikan untuk sebaran kepada masyarakat. Sebanyak tujuh aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh kakitangan JMM sepanjang tahun 2015; iaitu:



BIL	TAJUK PENYELIDIKAN	MUZIUM/BAHAGIAN	CATATAN
1	Pengesahan Fakta Sejarah	Unit Dasar dan Bahagian Penyelidikan	Pengesahan Fakta Sejarah untuk penulisan teks Pameran Porselin Biru dan Putih Pada Akhir Dinasti Yuan dan Awal Dinasti Ming
2	Penyelidikan Koleksi JMM dalam Aspek Sejarah Simbol	JMM dan EFEO	Penyelidikan Sejarah Simbol (Burung)
3	Penyelidikan Sejarah dan Perkembangan Gambus	Muzium Etnologi Dunia Melayu	Penulisan teks dan pengisian pameran Gambus Serantau
4.	Penyelidikan Sejarah Institusi Adat Undang Luak Jelebu	Muzium Adat	Pendokumentasian proses perlantikan dan pertabalan Undang Luak Jelebu
5.	Penyelidikan dan perolehan spesimen reptilian pelbagai spesies (contoh: ular)	Muzium Alam Semulajadi	Pengisian Pameran Racun dan Bisa
6.	Penyelidikan dan perolehan spesimen serangga daripada 8 order (contoh: Hemiptera, Lepiptera-11 spesies, odonata-15 spesies)	Muzium Alam Semulajadi	Pengisian Pameran Racun dan Bisa
7.	Penyelidikan dan perolehan pelbagai spesimen	Muzium Alam Semulajadi	Pengisian Galeri Muzium Alam Semulajadi (Naiktaraf)

Selain itu, JMM bertanggungjawab dalam menyelaras dan memantau penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik luar yang terdiri daripada pelajar IPTA/IPTS/agensi. Seramai 102 pelajar pelbagai bidang pengkhususan telah menjalankan penyelidikan di muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM.



PENERBITAN

Bahagian Penerbitan bertanggungjawab menerbitkan hasil-hasil penyelidikan, kerja-kerja dokumentasi/transliterasi teks untuk rujukan kepada semua lapisan ilmunan, mendapatkan bahan-bahan untuk diterbitkan dalam bentuk buku, majalah, risalah dan sebagainya, menapis dan menilai sebelum bahan diterbitkan dalam bentuk buku, majalah, risalah dan sebagainya, menyediakan perkhidmatan reka bentuk dan reka letak brosur kursus, poster dan lain-lain bahan cetakan yang dicetak secara dalaman, penyelarasan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan JMM dan kementerian, mengurussetiakan penyediaan bahan dan urusan percetakan untuk majlis-majlis perasmian pameran dan program JMM, memberi khidmat nasihat percetakan, mengumpul dan mendapatkan dokumen hasil kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan oleh jabatan, merakam peristiwa dan aktiviti jabatan dalam bentuk gambar bercetak atau audio-video dan menerbitkan dan menguruskan kerja-kerja menterjemah teks, dokumentasi, kapsyen pameran dan dokumen-dokumen lain.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Jabatan Muzium Malaysia menjadikan penerbitan sebagai saluran penting dalam mengekalkan, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat umum. Bahan-bahan penyelidikan oleh sejarawan tempatan dan luar negara yang berkisar tentang sejarah dan kebudayaan masyarakat tempatan juga diterbitkan. Buku-buku yang diterbitkan lazimnya ditulis dalam bahasa Melayu, manakala bagi menyebarkan maklumat tersebut ke peringkat antarabangsa, terdapat beberapa buah buku yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Pada umumnya, buku-buku yang diterbitkan ini merupakan sumber primer yang belum pernah dianalisis oleh pakar dalam bidang yang berkenaan. Pada tahun 2015, sebanyak 9 tajuk telah diterbitkan, iaitu:

BIL.	TAJUK	SINOPSIS
1.	Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah	Sejarah kedatangan gambus Sabah dan sejarah revival gambus Sabah berdasarkan data di lapangan. Secara ringkas menceritakan tentang bentuk, bahan buatan, lagu-lagu, aktiviti yang masih berjalan dan perkumpulan-perkumpulan yang wujud di sekitar Papar
2	Laporan Tahunan JMM 2014	Laporan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2014
3	Malaysian Tapestry: Rich Heritage at the National Museum	Himpunan artikel yang dihasilkan oleh Sukarelawan Muzium JMM tentang cerita di sebalik artifak yang ada dalam koleksi JMM
4	Buku program Pameran Racun dan Bisa	Buku program sempena Pameran Racun dan Bisa yang diadakan di galeri pameran sementara, Jabatan Muzium Malaysia pada 31 Julai hingga 31 Oktober 2015
5	Buku program Pameran Gambus Serantau	Buku program sempena Pameran Gambus Serantau yang diadakan pada 20 November 2015 hingga 15 Januari 2016
6	Buku program Pameran Porselin Biru dan Putih: Pada Akhir Dinasti Yuan dan Awal Dinasti Ming	Buku program sempena Pameran Porselin Biru dan Putih: Pada Akhir Dinasti Yuan dan Awal Dinasti Ming yang diadakan pada 22 November hingga 26 Disember 2015.
7	Buku program Bicara Gambus 2	Buku program sempena Bicara Gambus 2 yang diadakan pada 7 April 2015
8	Buku program Bicara Gambus Perdana	Buku program sempena program Bicara Gambus Perdana pada 27 November 2015
9	Buku Program Hari Muzium Antarabangsa 2015	Buku program ringkas sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2015 yang menerangkan sejarah sepintas lalu sambutan Hari Muzium di Negara ini serta jadual perjalanan program dan aktiviti-aktiviti yang berlangsung.

PEMASARAN DAN PROMOSI MUZIUM

Selain penyebaran maklumat melalui dalam talian, Jabatan Muzium Malaysia juga menggunakan kaedah tradisional, iaitu mencetak risalah dan buletin khususnya bagi memaklumkan kegiatan terkini untuk tatapan masyarakat. Bahan-bahan ini diedarkan secara percuma dan mudah dibaca oleh masyarakat. Jabatan Muzium Malaysia juga telah menerbitkan buku Direktori Muzium-Muzium di bawah pentadbirannya untuk menyebarkan maklumat mengenai muzium. Di dalam buku ini diberikan maklumat mengenai latar belakang penubuhan, peranan, khazanah yang disimpan, waktu melawat dan laluan ke muzium.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 67 tajuk berita merangkumi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina (surat khabar dan majalah) yang membuat liputan tentang program/aktiviti JMM, siaran TV sebanyak 29, siaran dan radio sebanyak 9. Selain itu, JMM melalui laman sosial (facebook) sangat aktif mempromosikan aktiviti/program muzium-muzium bawah JMM.



Pintu masuk ke Pameran Racun dan Bisa



Poster Pengenalan Pameran Racun dan Bisa

PAMERAN DAN PENGEMBANGAN: MEMARTABAT DAN MELESTARIKAN ILMU YANG TERSIMPAN

Bahagian Pameran dan Pengembangan bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program khidmat nasihat pameran, program outreach (pengembangan) dan program pendokumentasian dalam bentuk fotografi dan video.

Unit Perkhidmatan Muzium bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepakaran dan perundingan dalam bidang permuziuman kepada muzium-muzium baru dan muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia, muzium-muzium negeri, swasta dan agensi-agensi luar. (Penubuhan muzium, pameran, pengisian pameran, pengurusan pameran dan hal-hal berkaitan), merancang, merangka dan menyemak rekabentuk pameran di galeri muzium dan memantau pelaksanaannya, melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan dalam teknik dan kaedah permuziuman, menetapkan piawaian, kategori dan taraf muzium di bawah jabatan dan muzium-muzium lain yang berkaitan, merancang, merangka dan menyemak pelaksanaan pameran di Jabatan Muzium Malaysia termasuk pameran tetap dan pameran sementara, merancang dan menetapkan piawaian dan taraf pameran di bawah jabatan mengikut piawaian, dan melaksanakan program penyelidikan pembangunan dalam teknik dan inovasi serta kaedah permuziuman bagi aktiviti pameran tetap, pameran khas, pameran sementara dan pameran bergerak melalui aplikasi ICT (Information and communication technology).

Unit Pendidikan Muzium bertanggungjawab merancang dan mengadakan program pameran bergerak untuk pendedahan aktiviti dan fungsi jabatan samada di dalam dan luar negara, menyelaras program pameran yang berkaitan dengan agensi-agensi samada di bawah kementerian atau kerjasama dengan agensi-agensi luar, dan merancang serta melaksanakan program latihan berkaitan pameran terutama dari segi teknik persembahan pameran dan penggunaan teknologi terkini.



Peti pameran yang memperkenalkan pelbagai model gambus



Ruang Hadapan Pameran Gambus Serantau

Unit Sumber Media bertanggungjawab merancang kerja-kerja studio fotografi melibatkan koleksi artifak jabatan, membuat pendokumentasian aktiviti melibatkan jabatan, membuat kerja editing berkaitan koleksi video jabatan, menguruskan katalog, inventori dan penyimpanan bahan rujukan bergambar mengikut kaedah yang ditetapkan dan memberi perkhidmatan rujukan, penyalinan foto dan perolehan bahan kepada penyelidik dan pameran.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

1. PAMERAN SEMENTARA

1.1 PAMERAN RACUN DAN BISA

Pameran Racun dan Bisa telah diadakan selama tiga bulan di Jabatan Muzium Malaysia bermula pada 31 Julai 2015 sehingga 31 Ogos 2015 bertempat di galeri 2 dan Galeri Emas. Sengatan dan gigitan oleh haiwan-haiwan yang mengandungi bisa dan racun merupakan satu perkara yang semula jadi bagi haiwan tersebut untuk mempertahankan diri. Namun, masih ramai masyarakat di luar sana yang masih tidak peka mengenai jenis-jenis haiwan yang boleh membawa bahaya malah racun dan bisa tersebut juga boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat dan dikawal. Justeru itu, Jabatan Muzium Malaysia mengadakan pameran ini bagi memberi penerangan yang jelas kepada masyarakat mengenai spesies haiwan dan serangga yang mempunyai bisa dan racun. Spesies haiwan yang beracun mempunyai sebahagian tisu dan organ tubuh yang beracun kepada mangsa, manakala haiwan berbisa mempunyai kelenjar bisa yang mensintesis dan menyimpan campuran toksin kompleks. Kelenjar itu berhubung untuk menyampaikan bisa ke dalam tisu seperti taring, sesungut atau penyengat dan gigi taring berongga. Dengan adanya pameran sebegini, masyarakat akan lebih peka tentang bahaya atau kesan-kesan sengatan dan gigitan serta langkah-langkah rawatan serta pencegahan yang perlu diambil. Secara



Pameran Porselin telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah



keseluruhannya, pameran yang berlangsung selama 3 bulan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

1.2 PAMERAN GAMBUS SERANTAU: KEINDAHAN GAMBUS DALAM SENI MUZIK

Pameran Gambus Serantau diadakan bermula 20 November 2015 sehingga 15 Januari 2016 bertempat di Galeri 3, Jabatan Muzium Malaysia. Pameran ini diadakan sempena Festival Gambus Serantau bagi memperkenalkan dan memupuk kembali minat masyarakat terhadap muzik tradisional masyarakat Malaysia serta memartabatkan irama muzik gambus tradisional yang merupakan sebahagian warisan kebudayaan negara agar terus kekal terpelihara. Pameran dan festival gambus serantau ini telah dirasmikan pada 23 November 2015 oleh Yang Berhormat Datuk Mas Ermieyati Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

1.3 PAMERAN PORSELIN BIRU DAN PUTIH: PADA AKHIR DINASTI YUAN DAN AWAL DINASTI MING

Pameran Porselin Biru Dan Putih: Pada Akhir Dinasti Yuan Dan Awal Dinasti Ming merupakan hasil kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dengan China Culture Relics Protection Foundation, China Public Diplomacy Association dan The Malaysia-China Friendship Association. Pameran yang bermula pada 22 November 2015 sehingga 26 Disember 2015 ini adalah bersempena dengan kunjungan Perdana Menteri China, Lee Keqiang ke Malaysia sempena Sidang Kemuncak Asean ke-27 di Kuala Lumpur. Sejak 31 Mei 1974, Malaysia menandatangani perjanjian hubungan dua hala dengan China, hubungan persahabatan antara kedua-dua negara makin mekar dan telah berjaya membuka ruang baru dalam bidang ekonomi, pendidikan, diplomatik dan kebudayaan. Justeru itu, pameran ini diharapkan dapat mengeratkan lagi kerjasama antara Malaysia dan China serta mempergiatkan lagi pertukaran budaya serta ekonomi, seterusnya mengukuhkan lagi persefahaman dan persahabatan antara kedua-dua belah pihak. Pameran ini

telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah dan ini membuktikan kejayaan Jabatan Muzium Malaysia di dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa.

2. PAMERAN LUAR

2.1 PAMERAN ALAT TRADISIONAL DI DATARAN MENARA CONDONG, PERAK

Pameran Alat Muzik Tradisional yang berlangsung pada 28 Februari 2015 di Dataran Menara Condong, Teluk Intan, Perak adalah bersempena dengan Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina. Tradisi rumah terbuka seakan sudah menjadi satu kemestian pada setiap perayaan yang disambut di Malaysia. Amalan rumah terbuka bukan sahaja untuk meraikan rakan taulan dengan hidangan yang disediakan, malah ia mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain serta memupuk semangat kekitaan. Di samping dapat mewujudkan perpaduan kaum melalui MRTM, masyarakat berpeluang untuk mengenali budaya sesuatu kaum yang berbeza latar belakang, agama dan budaya. Justeru itu, pada setiap perayaan yang di sambut di Malaysia, kerajaan akan menganjurkan MRTM kerana ia dapat mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Untuk sambutan MRTM pada kali ini, Jabatan Muzium Malaysia dijemput untuk mengadakan pameran bagi memeriahkan lagi majlis MRTM Tahun Baru Cina yang dikunjungi oleh rakyat yang berbilang bangsa.

2.2 PAMERAN AEROANGKASA DAN MARITIM ANTARABANGSA LANGKAWI





Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi atau lebih dikenali sebagai LIMA (Langkawi International Maritime and Aerospace) merupakan satu pameran udara dan maritim yang ketiga terbesar di dunia selepas pameran udara Le Bourget, Perancis dan Farnborough, United Kingdom. Sepanjang berlangsungnya Karnival Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sempena LIMA 2015 di Medan Letak Kereta LADA pada 17/3/2015 hingga 19/3/2015, Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Pameran Khazanah Kapal Karam. Konsep pameran ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat umum mengenai proses salvaj kapal karam serta sejarah mengenai kapal-kapal karam tersebut contohnya seperti kapal Diana yang ditemui di perairan Selat Melaka.

2.3 PAMERAN KHAZANAH KAPAL KARAM DI IPOH PARADE, PERAK

Sempena meraikan sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan, pelbagai program, aktiviti dan acara yang menarik telah diadakan sepanjang sambutan berlangsung. Salah satu program utama yang diadakan setiap tahun untuk sambutan ini adalah pameran. Pameran pada tahun ini telah berlangsung secara meriah bermula pada 1-4 Ogos 2015 di Ipoh Parade, Ipoh, Perak. Manakala proses pemasangan pameran oleh muzium-muzium yang mengambil bahagian bermula pada 30-31 Julai 2015. Perasmian Hari Muzium Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Pameran yang bertajuk Khazanah Kapal Karam ini adalah mengenai kapal-kapal yang telah karam di perairan Malaysia. Perairan negara pada suatu ketika dahulu amat terkenal dan menjadi laluan penting di kalangan para pedagang. Kehebatan perairan Malaysia pada waktu itu terbukti kerana ia telah menjadi laluan utama buat para pedagang dari negara China, Arab, Siam, Nusantara, India, Parsi dan banyak lagi.

2.4 PAMERAN TOPENG SEDUNIA DI ESPLANADE KLCC PARK, KUALA LUMPUR

Pameran Topeng Sedunia telah diadakan pada 13 hingga 16 Ogos 2016 bertempat di Esplanade KLCC Park, Kuala Lumpur. Program anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah penyelarasan Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negara (JKKN) diadakan bersempena dengan Festival Topeng Antarabangsa Malaysia yang julung kalinya diadakan. Program tersebut diadakan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan agensi luar serta beberapa buah negara antarabangsa termasuklah Itali, China, Thailand, Filipina, Korea Selatan, Sri Lanka dan Indonesia.

3. PENDIDIKAN MUZIUM

3.1. PROJEK RINTIS PROGRAM 1 PELAJAR 1 MUZIUM (1P1M)

Projek rintis Program 1P1M telah dilaksanakan susulan kelulusan pelaksanaan Program 1P1M menerusi Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 02/2015 bertarikh 15 Januari 2015. 1P1M merupakan program pendidikan muzium yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini membuktikan kesesuaian muzium berfungsi sebagai salah satu tempat rujukan bagi membantu pendidik serta pelajar dalam PdP serta mengukuhkan pemahaman dan pengetahuan sejarah mereka. Projek rintis ini melibatkan lima (5) buah sekolah rendah, lima (5) buah sekolah menengah dan sebuah (1) buah IPG di sekitar Kuala Lumpur. Tarikh pelaksanaan projek ialah bermula pada 5 Mei hingga 29 Mei 2015 di Muzium Negara (MN), manakala IPG pada 7 April 2015 & 12 Mei 2015. Tujuan projek rintis ini adalah untuk uji lari modul permuzium bersesuaian dengan silibus mata pelajaran Sejarah. Sebanyak lima buah sekolah menengah dan lima buah sekolah rendah di sekitar Lembah Klang serta sebuah IPG iaitu IPG Kampus Bahasa Melayu telah dipilih untuk tujuan ini.

3.2 SEMINAR "MUZIUM UNTUK MASYARAKAT LESTARI" SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2015

Seminar "Muzium untuk Masyarakat Lestari" sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2015 telah diadakan di Hotel Weil, Ipoh, Perak pada 4 Ogos 2015 jam 09:00 pagi hingga 01:00 tengah hari. Senarai pembentang kertas kerja/moderator adalah seperti berikut;

- 1) YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hood Mohd Salleh (UKM)/Pembentang
- 2) YBhg. Prof. Dr. Hajah Rahinah Ibrahim (UPM) /Pembentang
- 3) YBrs. En Badrul Isa (UiTM, Shah Alam) /Pembentang
- 4) YBhg. Prof. Adj. Dato' Paiman Keromo (Pengarah Muzium Diraja Abu Bakar)/moderator

3.3 'KLINIK GAMBUS' SEMPENA PAMERAN GAMBUS SERANTAU

Aktiviti ini diadakan pada 2 & 29hb. November 2015 bersempena Pameran Gambus Serantau yang diadakan pada 21 November 2015. Tenaga pengajar ialah YM. En. Raja Zulkarnain Raja Yusof.

Selain itu, sepanjang tahun 2015, sebanyak 8 program pendidikan muzium/ perkongsian ilmu telah dijalankan antaranya:

1. Forum Kurator :The Ancient Glassware In Malaysia The Pengkalan Bujang Collection Pada 12 Februari 2015 Di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia.
2. Bicara Gambus II pada 7 April 2015 di Auditorium JMM.
3. Bicara Gambus Perdana pada 27 November 2015 di Auditorium JMM.
4. Bicara Dunia Melayu: Tradisi Pelayaran Melayu pada 29 Oktober 2015.
5. Bicara Tekstil 'Batik Nusantara' bersempena Pameran Batik Sarung : Warisan Kini dan Selamanya pada 27 Februari 2015.
6. Bicara Adiguru 'Jalinan dan Harapan' pada 28 Mei 2015, bertempat di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia.
7. Program Bicara Sejarah diadakan pada 14 Mei 2015 bertempat di dewan Muzium Kota Kayang.
8. Program Bicara Tokoh Siri I pada 15 Oktober 2015 di Bilik Labohan, Muzium Labuan.



4. SUMBER MEDIA

Senarai Tempahan Gambar Oleh Agensi Luar

BIL	AGENSI	KATEGORI GAMBAR	HASIL JUALAN (RM)
1	Universiti Putra Malaysia	Mural Hang Tuah	30.00
2	Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur	Etnologi	120.00
3	Warna Motion Picture & Marketing Sdn Bhd	Monumen	100.00
4	ATSA Architects - Mohamad Haziq b. Zulkifli	Monumen	1,500.00
5	Ho Muh Jke	Peristiwa 2015	30.00
JUMLAH (RM)			1,780.00



PROGRAM DAN AKTIVITI JMM WILAYAH: MERAKYATKAN MUZIUM

Jabatan Muzium Malaysia mempunyai 22 buah muzium di bawah pentadbirannya.

Secara dasarnya, tugas utama muzium-muzium di JMM Wilayah ini adalah berkaitan dengan objektif JMM, iaitu menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan, di samping menjalankan aktiviti penyelidikan dan perolehan koleksi. Aktiviti ini termasuklah mengadakan forum, bengkel, seminar dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Pada tahun 2015, JMM Wilayah telah berjaya melaksanakan beberapa program pendidikan, pengembangan dan pameran sepanjang tahun 2015 selaras dengan visi, misi dan objektif JMM serta melepasi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Pendidikan Muzium

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Bengkel Simpul Cina	6 Jun 2015	Muzium Negara
2.	Bengkel Robotik (Dengan Kerjasama Little Botz Academy)	5 & 6 Dis 2015	Muzium Negara
3.	Jom Main Permainan Tradisional	12 Dis 2015	Muzium Negara
4.	Mari Bermain Tanah	13 Dis 2015	Muzium Negara
5.	Seni Silat Melayu	19 Dis 2015	Muzium Negara
6.	Interaktif Kraf – Tabung Tempurung	26 Dis 2015	Muzium Negara
7.	Bengkel Kurasi Tulang Gajah	19 - 22 Oktober 2015	Muzium Alam Semula Jadi
8.	Eksplorasi Eksa KKM	20 Oktober Hingga 22 Oktober 2015	Muzium Alam Semula Jadi
9.	Perkemahan Pendidikan Alam Semula Jadi 1 Malaysia@Muzium Alam Semula Jadi	25 Ogos 2015	Muzium Alam Semula Jadi
10.	Program Outreach@IImfest Picc	16 Mei Hingga 17 Mei 2015	Muzium Alam Semula Jadi
11.	Program Senam Tari Berbatik Sarung Bersempena Pameran Batik Sarung : Warisan Kini Dan Selamanya	10 Februari 2015	Muzium Tekstil Negara
12.	Bicara Tekstil 'Batik Nusantara' Bersempena Pameran Batik Sarung : Warisan Kini Dan Selamanya	27 Februari 2015	Muzium Tekstil Negara
13.	Program Jom Berbatik sarung Bersempena Pameran Batik Sarung : Warisan Kini Dan Selamanya	27 Februari 2015	Muzium Tekstil Negara
14.	'Team Building' Hsbc Electronic Data Processing	11 Oktober 2015	Muzium Tekstil Negara
15.	Bengkel Membuat Topeng Kreatif	31 Mac 2015	Muzium Perak
16.	Program " Inspirasi Merdeka"	15 Ogos 2015	Muzium Perak
17.	Program Eksplorasi Muzium	23 November 2015	Muzium Perak
18.	Program Treasure Hunt Bersama Muzium Perak	3 September 2015 17 September 2015	Muzium Perak
19.	Program Wau Yang Wow!	9 Hingga 15 Mac 2015	Muzium Kota Kayang
20.	Jamuan Teh Dan Perasmian Muzium Kota Kayang	25 Mei 2015	Muzium Kota Kayang
21.	Kayuhan Merdeka	15 Dan 16 September	Muzium Kota Kayang
22.	Program Bermalam Di Muzium	6 Dan 7 November 2015	Muzium Kota Kayang
23.	Program Bicara Sejarah	14 Mei 2015	Muzium Kota Kayang
24.	Program Jelajah Y Centre, Utc Kedah Dengan Kerjasama Muzium Kota Kuala Kedah	24.04.2015	Muzium Kota Kuala Kedah
25.	Pertandingan Memancing Muzium Kota Kuala Kedah	28.11.2015	Muzium Kota Kuala Kedah

Bil	Program	Tarikh	Tempat
26	Program Kembara Bahasa	05.10.2015	Muzium Kota Kuala Kedah
27	Festival Permainan Tradisional	31.10.2015	Muzium Kota Kuala Kedah
28	Kenali Muzium Siri 1	9 Mei 2015	Muzium Labuan
29	Kenali Muzium Siri 11	8 Ogos 2015	Muzium Labuan
30	Bicara Tokok Siri 1	15 Oktober 2015	Muzium Labuan
31	Bicara Tokok Siri 11	24 Oktober 2015	Muzium Labuan
32.	Program NBOS 1Malaysia Culture and Heritage anjuran Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, W. P Labuan	16 Mei 2015	Muzium Marin Labuan
33	Program Ihya Ramadhan	27 Jun 2015	Muzium Marin Labuan
34	Program Kenali Muzium	8 Ogos 2015	Muzium Marin Labuan
35	Program NBOS 1Malaysia Culture and Heritage anjuran Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, W. P Labuan	31 Oktober 2015	Muzium Marin Labuan
36	Program Kenali Muzium Chimney	09 Mei 2015	Muzium Chimney
37	Program Kembara Malam Sempena Perkhemahan Murid Sekolah Rendah Peringkat WP Labuan	14 Mei 2015	Muzium Chimney
38	Program 10,000 Langkah Di Muzium Chimney	17 Mei 2015	Muzium Chimney
39	Program Kenali Muzium-Muzium Di WP Labuan	08 Ogos 2015	Muzium Chimney
40	Program Pembentangan Kajian Merungkai Misteri Chimney Oleh Puan Lynette Silver	29 Oktober 2015	Muzium Chimney
41	Program Explorace Chimney 2015	15 November 2015	Muzium Chimney
42	Program Enviro Hunt HSE Week Petronas 2015	21 November 2015	Muzium Chimney



Gambar Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Unit Pendidikan Muzium



PRESTASI KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN

Objektif

- Menyediakan perancangan dan kawalan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan di Jabatan Muzium Malaysia seiring dengan permodenan aktiviti permuziuman dalam mengekal, memelihara dan menyebarkan maklumat warisan sejarah dan kebudayaan negara.
- Menyelaras dan menguruskan segala perbelanjaan di bawah peruntukan belanja mengurus bagi dasar sedia ada, dasar baru dan juga 'one off' bagi Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Peruntukan Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

Secara keseluruhannya JMM telah diperuntukkan sebanyak RM76,787,029.02 di bawah peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2015. Sebanyak RM39,972,639.00 adalah diperuntukkan kepada Lembaga Muzium Negeri di bawah Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Persekutuan Kepada Lembaga Muzium Negeri dan Muzium Kesenian Islam di mana JMM adalah Jabatan yang telah diberi tanggungjawab untuk menyalurkan peruntukan tersebut kepada agensi yang berkenaan.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Butiran jenis Perbelanjaan bagi Tahun 2015

Bagi tahun 2015, perbelanjaan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM 76,787,029.02 atau 99.80%. Jadual di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

MAKSUD PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
Emolumen	18,146,000.00	18,017,936.28	99.29
Perkhidmatan dan Bekalan	18,422,521.00	18,393,756.97	99.84
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	39,972,639.00	39,972,639.00	100.00

STATISTIK PELAWAT KE MUZIUM DI BAWAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA DARI 1 JANUARI ~ 31 DIS. 2015

Bil	Muzium	Pelawat Tempatan	Pelajar	Pelawat Luar Negara	Inreach, Outreach Program	Jumlah
1	Muzium Negara (Termasuk pameran sementara)	235,017	64,830	154,136	103,073	557,056
2	Muzium Perak	86,248	145,793	2,310	20,151	254,502
3	Muzium Tekstil Negara	11,984	5,170	32,082	10,415	59,651
4	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	162,595	12,287	1,485	0	176,367
5	Muzium Kota Kayang	38,261	13,919	1,358	12,350	65,888
6	Muzium Labuan	52,716	10,268	1,730	0	64,714
7	Muzium Marin Labuan	132,225	8,300	3,914	0	144,439
8	Muzium Adat	49,951	9,703	703	10,257	70,614
9	Galeria Perdana	69,155	11,929	27,997	0	109,081
10	Muzium Sungai Lembing	60,072	7,458	2,555	880	70,965
11	Muzium Seni Bina Malaysia	28,451	5,462	10,269	14,056	58,238
12	Muzium Automobil Nasional	53,299	6,791	26,715	465	87,270
13	Muzium Etnologi Dunia Melayu	35,658	7,552	78,970	2,050	124,230
14	Muzium Lukut	24,150	4,832	385	16,546	45,913
15	Muzium Seni Kraf Orang Asli	37,075	8,346	67,263	0	112,684
16	Muzium Matang	41,738	14,438	819	3,125	60,120
17	Muzium Chimney	42,499	4,667	3,247	0	50,413
18	Muzium Kota Kuala Kedah	266,368	11,354	262	2,100	280,084
19	Muzium Kota Johor Lama	14,417	6,930	299	7,774	29,420
20	Muzium Alam Semulajadi	33,334	11,586	8	18,161	63,089
21	Muzium DiRaja	58,460	17,175	58,356	0	133,991
22	Muzium Muzik	8,191	1,822	13,733	0	23,746
22	Pameran/Program Di Luar	237,285				237,285
JUMLAH KESELURUHAN PELAWAT 1 JAN - 31 DIS 2015						2,879,760



LAMPIRAN

LAMPIRAN

1. LAWATAN BERPANDU MUZIUM NEGARA

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
1	02 Mac 2013	Pejabat Timbalan Menteri KPKK	45 orang
2	07 Mac 2013	UiTM Merbok, Kedah	48 orang
3	08 Mac 2013	Kolej Komuniti, Cheras	5 orang
4	09 Mac 2013	Pegawai-Pegawai Kerajaan Luar Negara di bawah 'Malaysian Defence Cooperation Programme (MDCP)' anjuran Bhgn. Operasi & Latihan Pertahanan MINDEF	30 orang
5	16 Mac 2013	ASWARA	43 orang
6	19 Mac 2013	Kolej Komuniti, Kuala Selangor	11 orang
7	27 Mac 2013	The Incheon Association of Museum	23 orang
8	28 Mac 2013	Kolej Komuniti, Pasir Salak, Perak	44 orang
9	08 April 2013	Pegawai-Pegawai Kerajaan Luar Negara (Arab) di bawah 'Malaysian Defence Cooperation Programme (MDCP)' anjuran Bhgn. Operasi & Latihan Pertahanan MINDEF	20 orang
10	11 April 2013	Kolej Komuniti, Kuala Langat, Selangor	20 orang
11	15 April 2013	International Strategy Adviser of the Papa Tongarewa, National Museum of New Zealand	1 orang
12	16 April 2013	Pusat Latihan Pentadbiran & Pengurusan D/A Pengkalan Udara, Shah Alam	20 orang
13	23 April 2013	British Museum	2 orang
14	26 April 2013	Ibu Ita Yulia S.Si M.Hum Ketua Seksi Perawatan, Bidang Perawatan & Pengawetan, Museum Nasional Indonesia	1 orang
15	10 Mei 2013	Guang Xi Zhuang Autonomous Region Ethnic Affairs Commission China	7 orang
16	20 Mei 2013	Presiden ICOM, Dr Hans Martin-Hinz	1 orang
17	23 Mei 2013	Sekretariat Markas Tentera Udara, KL	15 orang
18	28 Mei 2013	Kolej Komuniti, Semporna, Sabah	22 orang
19	30 Mei 2013	SMK Jesus Convent, Melaka	82 orang
20	10 Jun 2013	Pusat Pulatibang Kolej Tentera Udara Alor Setar, Kedah	35 orang
21	11 Jun 2013	Penuntut Kursus Ilmu Penerbangan Asas Kuartermaster Udara/ Pramugari TUDM siri 43/13 anjuran Kolej Tentera Udara (PULATIBANG 2) Kedah	36 orang
22	18 Jun 2013	Delegasi 'China-Malaysia Youth Exchange Program' anjuran Kementerian Belia dan Sukan	20 orang
23	03 Julai 2013	SMK Seri Bintang Utara, Cheras	33 orang
24	04 Julai 2013	Program bahasa Melayu Universiti Rojabhat Yala, Thailand anjuran Program Pengajian Bahasa Melayu UKM	29 orang
25	07 Julai 2013	Rumah Amal Nur Muhammad, Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam	50 orang

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
26	22 Ogos 2013	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Terengganu	109 orang
27	28 Ogos 2013	Kolej Komuniti Hulu Selangor	18 orang
28	30 Ogos 2013	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Terengganu	95 orang
29	13 Sept. 2013	Pegawai Kadet dari Royal Thailand Air Force (RTAF)	30 orang
30	13 Sept. 2013	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Terengganu	73 orang
31	18 Sept. 2013	Pegawai Kadet dari Singapore Armed Forces Warrant Officer School	50 orang
32	21 Sept. 2013	SJK (C) Hillside, Seremban	44 orang
33	01 Okt. 2013	Pegawai Kadet ATM-Bangladesh National Defence College	50 orang
34	04 Okt. 2013	SK Bakong, Pasir Mas	55 orang
35	23 Okt. 2013	SMK Wangsa Melawati, KL	84 orang
36	24 Okt. 2013	Delegasi China	12 orang
37	25 Okt. 2013	Pelajar cemerlang dari Bangladesh	15 orang
38	01 Nov. 2013	Pegawai Kadet ATM-Bangladesh National Defence College	12 orang
39	04 Nov. 2013	SK Air Baruk, Melaka	80 orang
40	07 Nov. 2013	Persatuan Suku Chai Thailand	20 orang
41	09 Nov. 2013	SJK (T) Ladang Gali, Raub	30 orang
42	11 Nov. 2013	Zhandra Rodes, Pereka Tekstil Britain	2 orang
43	20 Nov. 2013	UiTM Shah Alam	50 orang
44	23 Nov. 2013	Program 'Library Planning Management Course' anjuran PNM	17 orang
45	24 Nov. 2013	MATRADE	19 orang
46	09 Dis. 2013	Dr. Kwon Taehyo, Senior Curator of Education Division, Deputy Head of Cultural Exchange & Education Division, The National Folk Museum of Korea	5 orang
47	10 Dis. 2013	International Islamic University Malaysia (IIUM)	14 orang
48	12 Dis. 2013	Institut Kesihatan, Kuching	8 orang
49	17 Dis. 2013	Jabatan Sejarah Negara, Brunei	2 orang
50	21 Dis. 2013	Pusat Tuisyen Shah Alam	38 orang

2. PROGRAM PENGEMBANGAN MUZIUM NEGARA 2013

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
1	09 Mac 2013	SMK Seafield, Subang Jaya	Treasure Hunt
2	21 Mac 2013	SMK Taman Seraya, Ampang	Treasure Hunt
3	21 Mac 2013	SK Raub Indah, Raub	Cari & Lihat
4	23 Mac 2013	Menara SME Bank, KL	Cari & Lihat
5	02 April 2013	Iraqi School, KL	Look & Find
6	09 April 2013	SMK Subang Jaya	Mencari Harta Karun
7	10 April 2013	SK Bandar Rinching Hilir, Kajang	Cari & Lihat

BIL	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
8	17 April 2013	SMK Taman Seraya, Ampang	Permainan Tradisional
9	19-21 April 2013	Outreach Programme	Pameran Smart Kids
10	20 April 2013	SK Methodist (ACS) Ipoh	Cari & Lihat
11	23 April 2013	Sek Men Keb Agama Maahad Hamidiah, Bangi	Demonstrasi Membuat Tengkolok
12	24 April 2013	SK Abdul Samat, Kapar, Perak	Cari & Lihat
13	25 April 2013	SK Seri Jaya, Binjai, Kemaman	Cari & Lihat
14	26 April 2013	SMK Tinggi Melaka	Mencari Harta Karun
15	27 April 2013	SK Dato' Rabah, Negeri Sembilan	Cari & Lihat
16	30 April 2013	SK Sekinchan, Selangor	Malaysia Tanahairku
17	02 Mei 2013	Sek Men Keb Miharja, KL	Ekskavasi Manusia Perak & Lukisan Gua
18	03 Mei 2013	SMK Tun Syed Zahiruddin, Merlimau, Melaka	Treasure Hunt
19	07 Mei 2013	Jerman School	Ekskavasi Manusia Perak
20	08 Mei 2013	SMK Bukit Jalil, KL	Treasure Hunt
21	18 Mei 2013	SK Dato' Bandar Rasah	Cari & Lihat
22	30 Mei 2013	Malaysia Home School, Bangi	Kraf Rempah-Ratus
23	01 Jun 2013	Program Cuti Sekolah	Storytelling & Puppet Show
24	03 Jun 2013	Montesari Sg Long, Kajang	Look & Find
25	08 Jun 2013	SMK Damansara Utama	Treasure Hunt
26	08 Jun 2013	Program Cuti Sekolah	Storytelling & Puppet Show
27	15 Jun 2013	Tadika Islam Darul Jalil, Bukit Jalil, KL	Cari & Lihat
28	19 Jun 2013	Jerman School	Spice Programme
29	25 Jun 2013	SMK Seri Indah, Serdang	Treasure Hunt
30	26 Jun 2013	SK Simpang Tiga, Bagan Dato, Teluk Intan	Kraf Rempah-Ratus
31	09 Julai 2013	Alliance Chin Refuge, KL	Rempah-Ratus
32	16 Julai 2013	Alliance Chin Refuge, KL	Lukisan Gua
33	20 Julai 2013	Program Riadah bersama Anak Yatim anjuran DEMC Specialist Hospital, Shah Alam	Treasure Hunt
34	24 Julai 2013	SK Bukit Kuchai, Selangor	Tengkolok
35	14 Ogos 2013	Pusat Kebajikan Good Shepherd	Treasure Hunt
36	22 Ogos 2013	Sek Keb Kg Jawa Selangor	Lihat & Cari
37	28 Ogos 2013	Program Syabas bersama Anak-Anak Orang Asli Gombak	Lihat & Cari
38	29 Ogos 2013	Mustard Seed Day Care Centre, Puchong	Look & Find
39	04 Sept. 2013	SMK Seksyen 8 Kota Damansara	Treasure Hunt
40	09 Sept. 2013	SK Sg Yong, Trg	Lihat & Cari
41	11 Sept. 2013	SK Putrajaya Presint (18)	Lihat & Cari
42	12 Sept. 2013	SK Sg Tua Baharu, Batu Caves	Lihat & Cari

BIL	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
43	18 Sept. 2013	SK Sg Kua, Trg	Lihat & Cari
44	25 Sept. 2013	SM Sains Seri Puteri, KL	Malaysia Tanahairku
45	26 Sept. 2013	SMK Bandar Utama, Damansara 2	Treasure Hunt
46	17 Okt 2013	Sek Sukan Bukit Jalil	Treasure Hunt
47	19 Okt 2013	SMK Sultan Hj Ahmad Shah	Kuiz Kembara Minda
48	21 Okt 2013	SMK Vivekananda, KL	Treasure Hunt
49	22 Okt 2013	SMK Bukit Jalil	Treasure Hunt
50	23 Okt 2013	SMK Tunku Panglima Besar, Kulim	Treasure Hunt
51	26 Okt 2013	SK Seri Relau, P. Pinang	Lihat & Cari
52	26 Okt 2013	SMK Bandar Hilir Kesuma, Selangor	Taklimat
53	28 Okt – 1 Nov. 2013	SRJK (C) Chung Hwa, Parit, Perak SRJK (T) Ladang Glenealy, Parit SK Parit SK Sg Perah, Parit	Outreach Programme
54	04 Nov 2013	SMK Lembah Keramat	Treasure Hunt
55	06 Nov 2013	SMK Iskandar Shah, Parit	Outreach Programme
56	07 Nov 2013	SMK Sultan Muhammad Shah, Parit	Outreach Programme
57	07 Nov 2013	Mahasiswa/i dari negara ASEAN yang menghadiri forum di Universiti Malaya	Taklimat
58	08 Nov 2013	SM Agama Al-Aziz, Parit	Outreach Programme
59	11 Nov 2013	SMK Kamunting, Perak	Treasure Hunt
60	12 Nov 2013	SMK Sri Kota, Taiping	Ekskavasi Manusia Perak
61	13 Nov 2013	TNB bersama anak yatim	Taklimat
62	13 Nov 2013	SJK (T) Simpang Lima, Klang	Kenali Lukisan Gua
63	16 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	Bengkel Kompang
64	21 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	MVM Conference "French Talk"
65	23 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	Bengkel Seni Gunting Kertas Cina
66	29 Nov 2013	Universiti Malaysia Trg	Tengkolok
67	30 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	Bengkel Permainan Tradisional
68	07 Dis 2013	Program Cuti Sekolah	Bengkel Seni Gunting Kertas Cina 2
69	14 Dis 2013	Program Cuti Sekolah	Bengkel Tengkolok